



# SELANGOR PERCUMA

PERCUMA 6 - 13 Mei 2016, 28 Rejab - 6 Syabaan 1437H

www.selangorku.com

MediaSelangorku

MediaSelangor

tvs tv.selangorku.com

#SmartSelangor

## SELANGOR-KELANTAN KUKUH HUBUNGAN



BERITA  
LANJUT  
MUKA 4

- DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah mencemar duli ke Majlis Perasmian dan Pengurnian Kunci Rumah dan Perasmian Program Selangor Prihatin jajahan Pasir Puteh
- Disempurnakan DYMM Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V
- Peruntukan RM10.2 juta sumbangan Lzs
- 60 keluarga dipilih menduduki Laman Seri Ehsan

## PERJUANG HAK PEKERJA

"Sambutan Hari Pekerja amat besar maknanya kepada perjuangan pemimpin sekerja seluruh dunia. Dalam ruang demokrasi matang, kita tidak boleh membenarkan mana-mana manusia mengeksplorasi manusia lain."

Dato' Seri Mohamed Azmin Ali  
Menteri Besar

BERITA PENUH MUKA 3



9

Teruskan  
keprihatinan



7

Pilihan Raya  
Negeri Sarawak



2

ASR SELANGOR #SmartSelangor

### Gunakan Air dengan Berhemat dan Elakkan Pembaziran

JOM  
JIMAT  
AIR  
KESELESAAN BERTERUSAN

## BN khianati rakyat Sarawak

# Raih undi, bila menang beri GST

OLEH ERMIZI MUHAMAD

**SUBANG** - Pentadbiran 50 tahun Barisan Nasional (BN) di Sarawak terus mengkhianati kepercayaan diberikan masyarakat Bumi Kenyalang terhadap parti itu.

Timbalan Presiden KEADILAN, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali merujuk pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang dilaksanakan, sejak 1 April 2015.

"Pengkhianat rakyat Sarawak bukannya KEADILAN, yang mengkhianati rakyat Sarawak adalah 25 Ahli Parlimen BN yang menyokong GST."

"Mereka minta undi rakyat (waktu pilihan raya), tetapi bila menang mereka undi GST yang menyebabkan rakyat Sarawak menderita," katanya yang juga Menteri Besar Selangor selepas hadir ke Perhimpunan Hari Pekerja

anjuran Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), di sini, pada 1 Mei lalu.

Pelaksanaan cukai rakus itu menyebabkan harga keperluan di pasaran meningkat tinggi, sekali gus membebankan rakyat berpendapatan rendah.

Lebih mengejekan, masyarakat di luar bandar khususnya kawasan pedalaman Sarawak tidak dapat menampung kenaikan itu kerana faktor kenaikan kos dan paras gaji minima.

Mohamed Azmin berkata, pemangku Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Adenan Satem perlu memberi tumpuan sepenuhnya terhadap kebijakan rakyat Sarawak susulan pelaksanaan cukai itu.

"Sebab itu saya katakan dari awal, Adenan Satem harus tumpu kepada usaha untuk dapatkan semula hak rakyat Sarawak contohnya isu GST ini," katanya.



## Jalan KEADILAN mudahkan penduduk Betong

**PETALING JAYA** - MYCHANGE-MAKER berjaya membina sebuah jalan yang dinamakan 'Jalan KEADILAN' di Kampung Lempaong, Betong, Sarawak.

Jalan selesa dan selamat itu dibina bagi kemudahan harian penduduk rumah panjang sepanjang lapan kilometer (km) dengan kos RM60,000.

Naib Presiden KEADILAN, Nurul Izzah Anwar, berkata kerja pembinaan projek fasa kedua itu sudah dimulakan sejak awal tahun ini.

"Pilihan raya atau tidak, menang atau tidak, bukan alasan untuk tidak meneruskan mengubah nasib anak tempatan."

"KEADILAN dan MYCHANGEMAKER mengajak semua rakyat Malaysia menyertai kami dalam usaha memberi perkhidmatan berteras keikhlasan bukan bersyarat"

**NURUL IZZAH**  
Naib Presiden KEADILAN

"Rumah panjang di Betong antara destinasi fasa pertama ini. Kami berjalan kaki sejauh 11.2km mengharungi 22 bukit, empat sungai tanpa jambatan dan di situ kami mengenal pasti beberapa masalah penduduk tempatan."

"Antara yang dilakukan adalah pemberian 10 lampu solar kepada sebuah rumah panjang," katanya.

Mereka yang ingin memberikan sumbangan boleh berbuat demikian menerusi Bank Hong Leong atas nama 'Parti Keadilan Rakyat - JPRP' akaun bernombor 22500010828.

Katanya, MYCHANGEMAKER turut berjaya memasang 200 lampu solar di hampir 114 rumah panjang sekitar Ba'Kelman dengan jarak sejauh 285km dari bandar Kuching.

## Adenan perlu tuntut hak istimewa

**SHAH ALAM** - Pemangku Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Adenan Satem mesti menumpukan usaha menuntut kembali hak dan keistimewaan rakyat Sarawak yang sewajarnya diterima mereka dari Putrajaya.

Timbalan Presiden KEADILAN, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata kenyataan Adenan 'bersedia mempertimbang untuk melanjutkan tempoh kehadiran Menteri Besar Selangor dan Ketua Menteri Pulau Pinang di sini' jika menerima permohonan rasmi amat dikesali.

Katanya, ia jelas menunjukkan sikap tidak hormat terang-terangan Adenan terhadap kedudukan Menteri Besar dan Ketua Menteri.

"Saya maklum sekarang ini musim pilihan raya. Maka, dalam politik seorang ketua perlu melakukan apa juu tindakan dibenarkan undang-undang bagi memastikan kemenangan partinya."

"Namun, pendirian bongkok lagi angkuh Adenan ini melang-

kaui batas dan menzahirkan wajah sebenarnya sebagai pemimpin yang menggunakan kuasa eksekutifnya secara melulu," kata Mohamed Azmin yang juga Menteri Besar Selangor dalam kenyataan medianya.

Mohamed Azmin berkata, Adenan perlu memastikan rakyat Sarawak tidak lagi ditindas dalam apa juga cara sama ada oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri.

Katanya, Sarawak terlalu lama bertolak ansur berkenaan autonomi mereka dan menggadaikan rakyatnya di bawah kerajaan Barisan Nasional (BN).

"Tindakan menghalang atau memendekkan tempoh kemusukan saya dan rakan dari KEADILAN dan DAP tidak akan menyucikan noda serta salah laku pemimpin BN."

"25 Ahli Parlimen mereka menyokong GST di Parlimen, BN Sarawak melakukan sedikit sahaja usaha dalam menghapuskan polisi kabotaj dan mereka juga

gagal mendapatkan peruntukan mencukupi daripada Kerajaan Persekutuan bagi memperbaiki sistem pendidikan dan kesihatan luar bandar," katanya.

Beliau berkata, isu itu amat dekat di hati rakyat Sarawak dan kerajaan yang mendakwa mengekalkan autonomi Sarawak perlu meletakkan keutamaan tinggi kepada perkara ini.

"Rakyat Sarawak layak melalui proses pilihan raya bersih dan adil. Justeru, perkara ini meliputi hak mereka memilih siapa mereka percaya, cara serta personaliti berkempen di sana tanpa halangan atau rintangan."

"Diskriminasi terhadap pemimpin pembangkang Persekutuan dari Semenanjung dan sikap pilih kasih terhadap pemimpin UMNO-BN ini pencabulan kepada hak pengundi Sarawak."

"Rakyat Sarawak pastinya menaruh harapan bahawa persaingan adil terlaksana dalam pilihan raya ini," katanya.

## SPR perlu siasat kes bakar bendera

**KUCHING** - Calon KEADILAN bagi kerusi N6 Tupong, Norhanim Hana Mokhsen membuat laporan polis selepas bendera parti itu di Jalan Semarak dibakar pihak tidak bertanggungjawab.

Kesal dengan kejadian itu, beliau berharap Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mengambil langkah proaktif bagi mengelakkan kejadian serupa berulang sepanjang kempen berlangsung.

"Kami membayar deposit dan saya berharap SPR boleh memantau keadaan."



"Kami berharap ini tidak akan berulang lagi dan polis perlu mengambil tindakan selanjutnya," katanya dipetik Keadilan Daily, pada 29 April lalu.

Nurhanim dalam laporannya turut mendakwa, beliau mendapat bendera pihak lawan di kawasan kejadian tidak diapakan walaupun bendera dipangkas.



Jangan benar dieksplorasi majikan

# Ambil iktibar peristiwa Chicago 1888

OLEH ERMIZI MUHAHMAD

**SUBANG** - Kesatuan sekerja perlu mengambil iktibar daripada peristiwa Chicago 1888 supaya hak pekerja di negara ini tidak dieksplorasi majikan.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata peristiwa itu menjadi permulaan kepada gerakan buruh sedunia dalam memastikan kebijakan pekerja terus dipelihara.

"Sambutan Hari Pekerja 1 Mei ini amat besar maknanya kepada perjuangan pemimpin sekerja seluruh dunia. Mengimbau peristiwa Chicago 1888 apabila demonstrasi dibuat bagi menutut waktu kerja lapan jam sehari dan layanan adil majikan.

"Mereka peka berjuang, tidak

tunduk kepada kezaliman demi hak pekerja untuk membataskan perkara eksplorasi daripada menjadi hamba kepada manusia.

"Dalam ruang demokrasi matang, kita tidak boleh membenarkan mana-mana manusia mengeksplorasi manusia lain," katanya pada Majlis Sambutan Hari Pekerja di perkarangan Wisma MTUC, 1 Mei lalu.

Hadir sama, Pemangku Presiden Kongres Kesatuan Segerja Malaysia (MTUC), Abdullah Sani Abdul Hamid; Setiusaha Agung MTUC, Gopal Krishnam; bekas Setiausaha Agung MTUC, Halim Mansor dan Presiden NUFAM, Ismail Nasarudin.

Pada masa sama, Mohamed Azmin berkata, Kerajaan Negeri

menyokong sepenuhnya komitmen MTUC memperjuangkan hak kebijakan dan kepentingan pekerja.

Antaranya, galakan pelaksanaan gaji minimum RM1,500 dilaksanakan di Selangor berbanding pentadbiran Barisan Nasional di Putrajaya sekadar RM1,200.

"Walaupun wawasan 2020 semakin hampir, tetapi kita semakin jauh mencapai status negara membangun kerana gaji pekerja rakyat Malaysia masih lagi jauh berbanding upah pekerja di negara maju.

"Pekerja kita pula terus memberi sumbangan besar membantu ekonomi negara tetapi Putrajaya gagal memberi pengiktirafan sewajarnya kepada pekerja di dalam negara ini," katanya.

## Contohi Selangor beri gaji minimum RM1,500

**SUBANG** - Inisiatif Kerajaan Negeri melaksanakan gaji minimum RM1,500 dan pelbagai manfaat lain kepada penjawat awam Selangor mendapat perhatian pegawai kerajaan di Putrajaya.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata wujudnya permintaan daripada pekerja Kerajaan Persekutuan untuk mendapat manfaat sama di bawah pentadbiran Kerajaan Selangor.

"Selepas Kerajaan Negeri mengeluarkan parasan gaji minimum RM1,500 di Selangor, saya menerima banyak permintaan daripada pegawai kerajaan di Putrajaya untuk berpindah dan berkhidmat di Selangor.

"Tetapi saya tidak mampu untuk memberi peluang itu kepada semua melalui struktur Kerajaan Negeri. Cuma apa yang boleh saya katakan, mereka tidak perlu lah datang ke Selangor.

"Selain itu, tempoh cuti 14 hari

diberikan kepada suami yang istirinya bersalin dan cuti khas kematian suami selama 30 hari untuk isteri bekerja.

## Kerjasama penjawat awam-swasta realisasi Smart State

**SHAH ALAM** - Kerjasama daripada penjawat awam dan pihak swasta diperlukan bagi merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri menjadikan Selangor sebagai Smart State.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Mohd Amin Ahmad Ahya, berkata komponen gerak kerja perlu dibangunkan secara konsisten untuk melahirkan kakitangan kompeten dan berdaya maju.

"Kerajaan Negeri menggalakkan warga kerja supaya lebih 'tech savvy' dengan menggunakan 'smart applications' dalam melaksanakan tugas mereka selain memperbaiki pengurusan kerja dan terus komited membudayakan kerja."

"Perkara ini amat kritikal kerana gagasan Smart Selangor memerlukan anjakan paradigma dalam membentuk kerangan 'internet of things' untuk memberikan perkhidmatan sofistikated kepada rakyat," katanya kepada SelangorKini, 27 April lalu.

"Biarlah saya dan pimpinan pembangkang lain yang ke Putrajaya untuk selesaikan semua masalah pekerja hari ini," katanya pada Majlis Sambutan Hari Pekerja di perkarangan Wisma MTUC, 1 Mei lalu.

Sejak 2008, pentadbiran Pakatan Selangor terus kukuh memacu pertumbuhan ekonomi negeri serta melaksanakan pelbagai pelan reformasi kepada penjawat awam di seluruh negeri.

Antara manfaat diterima kakitangan awam Selangor, pembelian bonus satu bulan setengah gaji pada Mei tahun lalu, penetapan had minimum pendapatan bulan RM1,500 dan pemberian cuti bersalin 90 hari.

Selain itu, tempoh cuti 14 hari diberikan kepada suami yang istirinya bersalin dan cuti khas kematian suami selama 30 hari untuk isteri bekerja.

Mohd Amin berkata, golongan sekerja khususnya penjawat awam perlu memainkan peranan secara proaktif dan responsif dalam menawarkan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

"Kita perlulah terus komited dalam membudayakan penyampaian perkhidmatan awam profesional, berintergriti tinggi dan bekerja dalam satu pasukan kuat bagi memastikan aspirasi Smart Selangor berjaya direalisasikan," katanya.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali sebelum ini berkata strategi menerajui gagasan Smart Selangor tertumpu kepada aspek pembangunan dinamik, dan organik melalui lima strategi.

Antaranya, penjanaan sumber pendapatan secara strategik, mempertingkat pembangunan berkualiti dan inisiatif peduli, pengukuhan kualiti pendidikan, latihan serta membangun kapasiti wanita, penjawat awam, generasi Y dan ekonomi kreatif.



Bina 60 kediaman Laman Seri Ehsan

# Selangor – Kelantan kekal erat

OLEH LIZAWATI MADFA

**SHAH ALAM** - DYMM Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah mencemar duli ke Majlis Perasmian dan Pengurnian Kunci Rumah dan Perasmian Program Selangor Prihatin di Desa Alam Shah, Daerah Bukit Awang, Jajahan Pasir Puteh, Kelantan, di sini, pada 3 Mei lalu.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali turut mengiringi baginda dalam program yang bermula, pada 2 Mei lalu.

Majlis penyerahan kunci rumah sumbangan Lembaga Zakat Selangor (LZS) itu disempurnakan DYMM Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V.

"Rakyat Selangor dan Kelantan terus mesra dan erat menerusi bantuan LZS yang membina rumah untuk golongan miskin

dan asnaf di Kelantan," kata Mohamed Azmin menerusi status di laman Facebook.

Pada 26 Januari lalu, Tengku Mahkota Kelantan, Tengku Muhammad Faiz Petra turut berkenan menyampaikan kunci rumah di Majlis Perasmian dan Pengurnian Kunci Rumah sumbangan LZS di Laman Seri Ehsan, Kampung Telekong, Kuala Krai.

Dengan peruntukan RM10.2 juta, seramai 60 keluarga dipilih menduduki Laman Seri Ehsan menerusi sesi bancian yang dilaksanakan, pada Oktober hingga November 2015.

Rumah dengan keluasan 869 kaki persegi mempunyai tiga bilik tidur dan dua tandas serta dilengkapi perabot dengan anggaran nilai keseluruhan RM62,000 sebuah.

Laman Seri Ehsan turut dilengkapi dengan infrastruktur yang



kondusif seperti surau, dewan serba guna dan enam lot kedai serta kemudahan bekalan air bersih dan elektrik.

Pada masa sama, Sultan Shara-

fuddin turut berkenan mencemar duli menziarahi Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakob di JKR 10, Kota Bharu yang sebelum ini dirawat di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) Kubang Kerian selepas menjalani pembedahan kecil akibat pendarahan di bahagian kiri kepala, pada 14 April lalu.

## LUAS pantau paras air setiap jam

**SHAH ALAM** - Empangan Sungai Selangor terus mencatatkan penurunan sehingga 61.93 peratus berbanding 63.70, pada 26 April lalu.

Menurut laman sesawang Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), ia menurun 1.77 peratus dengan taburan hujan 7.30 mm3.

Sementara itu, empangan Batu mencatatkan takungan 69.80 peratus, Semenyih (67.68 peratus) dan Langat (75.76 peratus), manakala empangan Tasik Subang (83.76%) dan empangan Sungai Tinggi (75.17%).

Selain itu, empangan Klang Gates mencatatkan 57.75 peratus dan Kolam Takungan Sungai Labu (46.60%), bahkan kebanyakannya empangan itu menurun dua hingga empat peratus, sejak dua minggu lalu.

Sebelum ini, Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata Kerajaan Negeri memantau paras

air di empangan dan sungai di Selangor hampir setiap jam.

Katanya, ia bagi memastikan bekalan air sentiasa cukup untuk seluruh penduduk.

Sementara itu, Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib, berkata Kerajaan Negeri dalam usaha melakukan pelbagai inisiatif supaya masalah kekurangan air dialami sebelum ini tidak berulang.

Kerajaan Negeri juga yakin tidak catuan bekalan air sehingga hujung tahun ini ekoran rizab air positif dan beberapa langkah mitigasi awal diambil.

Malaysia bakal mengalami fenomena El Nino lebih kerap iaitu dua tahun sekali dalam tempoh beberapa tahun akan datang ekoran faktor pemanasan global yang semakin serius.

## Selangor lebih awal bantu rakyat

**SHAH ALAM** - Kenyataan Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Adenan Satem kononnya mahu melaksanakan perkhidmatan bas percuma di Sarawak hanya sekadar gula-gula pilihan raya.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata perkhidmatan bas percuma Smart Selangor lebih awal dilaksanakan, sekali gus memberi manfaat kepada enam juta rakyatnya.

"Adenan Satem buat kenyataan terbuka mahu laksanakan perkhidmatan bas percuma se-

erti Selangor. Dia kata nak ikut macam Selangor.

"Sekarang baru terfikir untuk sediakan perkhidmatan ini? Kami lebih awal laksanakannya di Selangor," sindir Mohamed Azmin ketika berucap dalam program ceramah "Selamatkan Malaysia" Alor Setar, Kedah, pada 1 Mei lalu.

Hadir sama, bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad; Presiden Parti Amanah Negara (Amanah), Mohamad Sabu dan bekas pemimpin veteran Umno, Tan Sri Sanusi Junid.

Mohamed Azmin berkata, masyarakat Selangor di bawah pentadbiran Pakatan sejak 2008 menikmati pelbagai manfaat lain berbanding pentadbiran 50 tahun Barisan Nasional di Sarawak.

Ia termasuk pemberian air percuma, bantuan kewangan, skim perumahan Rumah Selangorku, bantuan pendidikan dan pengenalan paras gaji minima RM1,500.

"Semua rakyat Selangor dapat kemudahan itu, tidak kira latar belakang politik walaupun orang Umno," katanya.

## Tolak kuku besi, bebaskan media

**SHAH ALAM** - KEADILAN menyeru memperkuatkan iltizam membangun dunia media bebas, demokratik luhur dan bertanggungjawab.

Timbalan Presiden KEADILAN, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata ia ekoran kebebasan media adalah salah satu tonggak terpenting demokrasi.

Katanya, laporan terbaru Wartawan Tanpa Sempadan menyatakan cabaran semakin getir dihadapi pejuang kebebasan akhbar ekoran cengkaman meningkat dari pemerintah dan kepentingan sektor swasta.

"Tanpa media bebas, demokrasi tempang dan lumpuh. Kedudukan Malaysia dalam ranking kebebasan media, di tangga 146 dari 180, amat memalukan.

"Sempena Hari Kebebasan Akhbar Sedunia 2016 kita memperkuatkan iltizam membangun dunia media bebas, demokratik luhur dan bertanggungjawab. Ini adalah sebuah

gian dari perjuangan menyelamatkan Malaysia," katanya dalam kenyataan.

Mohamed Azmin berkata, apabila media dibungkam, maklumat sahih sukar diperolehi rakyat untuk membuat pendirian dan keputusan secara saksama.

"Bagi pemerintah autoritarian tiada lebih mereka takut dari kebenaran dan maklumat sahih.

"Maka tidak hairanlah mengapa pemerintah tidak demokratik dan mengamalkan dasar kuku besi memusuhi kebebasan media," katanya.

Beliau yang juga Menteri Besar Selangor, berkata cadangan memindah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 untuk menyekat blog dan portal berita bercanggahan dengan semangat kebebasan akhbar perlu ditentang.

"Sejarah membuktikan perjuangan membangun sebuah demokrasi matang dan adil sudah tentu melibatkan perju-

**Bagi pemerintah authoritarian tiada lebih mereka takut dari kebenaran dan maklumat sahih**

**MOHAMED AZMIN**  
Timbalan Presiden  
KEADILAN

ngan membangun media bebas, adil dan bertanggungjawab.

"Justeru, setiap demokrat sejati adalah rakan setia kepada wartawan berjiwa merdeka dan media bebas lagi bertanggungjawab.

"Hari ini (3 Mei) adalah tarikh keramat bagi pengamal media dan aktivis kewartawanan cekal berpegang kepada prinsip kebebasan akhbar," katanya.



OLEH LIZAWATI MADFA

**SHAH ALAM** - DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menyatakan kebimbangan ajaran sesat yang masih gagal dibanteras sepenuhnya di negeri itu.

Baginda bertitah, pengaruh individu, kumpulan sesat dan berkepentingan dikhuatiri merosakkan akidah serta amalan rakyat, bahkan suasana harmoni, perpaduan, kesatuan dan kerukunan hidup bermasyarakat juga terkesan.

"Terdapat ancaman daripada pihak tertentu yang berkepentingan terhadap umat Islam ber-

Penyebaran berleluasa

# Ajaran sesat rosakkan akidah umat Islam

pegang kepada Ahlus Sunnah Waljamaah.

"Begitu juga fahaman ekstrem yang dikaitkan dengan pertubuhan tertentu di luar negara yang kini merebak dalam kalangan masyarakat Islam negara ini," titah baginda.

Baginda bertitah demikian ketika mencemar duli merasmikan Program Multaqa Pegawai Masjid, Guru Takmir dan Guru KAFA peringkat Selangor 2016 di Bangunan SUK, di sini, 28 April lalu.

Hadir sama, Menteri Besar,

Dato' Seri Mohamed Azmin Ali dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Seri Jamil Khir Baharom.

Baginda bertitah, tindakan pihak tertentu yang mempertikai fungsi dan peranan agensi bagi menguruskan umat Islam adalah

amat mengecewakan.

"Situasi ini bertambah kompleks apabila perbezaan pendapat dalam kalangan ulama menyebabkan masyarakat keliru, terpengaruh dan terikut dengan fahaman tidak tepat," titah baginda.

**Usaha jaga kebajikan imam, guru KAFA dipuji**

**SHAH ALAM** - DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah memuji usaha Kerajaan Negeri menjaga kebajikan imam masjid dan guru KAFA di Selangor.

Penghargaan baginda dizahirkan ketika titah ucapan sempena majlis Multaqa Pegawai Masjid, Guru Takmir dan KAFA peringkat Selangor 2016 di Bangunan SUK, 28 April lalu.

"Beta mengucapkan penghargaan kepada usaha di bawah kepimpinan Menteri Besar yang bersetuju membayar elaun tambahan imam sebanyak RM150 dan menambah elaun guru KAFA.

"Semua usaha murni agensi diharapkan dapat membantu meringankan bebanan imam, guru KAFA serta takmir dalam usaha meningkatkan syariat Islam di negeri ini," titah baginda.

Bermula 1 Januari 2014, imam masjid kariah seluruh Selangor menerima kenaikan tambahan elaun RM150, menjadikan RM900 sebulan.

Kenaikan itu sebagai tambahan kepada elaun diterima daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sejumlah RM750 setiap bulan.

Sementara itu, guru KAFA pula bakal menerima elaun berjumlah RM1,500 sebulan, kenaikan RM200 berbanding elaun sebelum ini RM1,300.



## Sultan Selangor berkenan rasmi Multaqa

**SHAH ALAM** - DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan mencemar duli merasmikan Multaqa Pegawai Masjid, Guru Takmir dan KAFA peringkat Selangor 2016.

Bertempat di Dewan Jubli Perak, Bangunan SUK, majlis turut dihadiri Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Seri Jamil Khir Baharom.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohd Amin Ahmad Ahya, Exco Hal Ehwal Agama, Dato' Dr Ahmad Yunus Hairi dan Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor

(MAIS), Datuk Mohd Adzib Mohd Isa.

Baginda Sultan berkenan menyampaikan anugerah penghargaan kepada imam, guru takmir, penyelia KAFA, guru KAFA dan sekolah KAFA sebelum menerima 'mock cheque' sumbangan Kerajaan Persekutuan berjumlah RM37.9 juta kepada Kerajaan Negeri.

Selain itu, baginda juga berkenan melancarkan buku bertajuk 'Tokoh-tokoh Ulama Melayu Nusantara' terbitan bersama Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS).

Dengan lebih 1,000 hadirin, majlis ter-

lebih dahulu dimulakan dengan ceramah bertajuk 'Halal dan Isu-isu Semasa Umat Islam' dan forum khas bertajuk 'Wasatiah Ahli Sunnah Wal Jamaah'.

Program Multaqa adalah antara platform utama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menyalurkan maklumat berkenaan isu semasa membabitkan kemaslahatan umat Islam.

Ia bertujuan menggembung kesedaran dan menggerakkan imam, guru dan pendakwah bertaullah mengukuhkan pegangan Ahlus Sunnah Waljamaah dari peringkat akar umbi.

## Jadikan masjid zon aman, pusat ibadah kondusif

**SHAH ALAM** - Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) diingatkan untuk terus memastikan masjid menjadi zon aman dan pusat ibadah kondusif.

DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, bertitah kedua institusi itu dan Pegawai Tadbir Agama Islam Daerah perlu memastikan hanya penceramah bertaullah dibenarkan menyampai kuliah atau ceramah.

Titah baginda, nazir masjid dan pengerusi surau hendaklah mematuhi Peraturan-peraturan Tauliah (Negeri Selangor) seperti mana

digariskan.

"Penceramah juga hendaklah menyampaikan kuliah atau ceramah agama berdasarkan pegangan Ahlus Sunnah Waljamaah."

"MAIS dan JAIS perlu berpendirian tegas dan bekerjasama dengan pihak berkuasa untuk mengambil tindakan ke atas pihak yang didapati sengaja atau cuba melanggar peraturan sedia ada," titahnya.

Beliau bertitah demikian ketika mencemar duli merasmikan Program Multaqa Pegawai Masjid, Guru Takmir dan Guru KAFA Peringkat Negeri Selangor 2016 di Bangunan SUK di

sini, 28 April lalu.

Baginda bertitah, program ilmu di masjid dan surau tidak perlu hanyat tertumpu kepada ceramah semata-mata.

"Beta berkenan jika program pengajian ilmu secara berkitab dapat dilaksanakan untuk memberi fokus kepada budaya ilmu dan aktiviti masjid serta mengawal penyebaran doktrin yang mengelirukan."

"MAIS dan JAIS bolehlah menentukan kitab rujukan sesuai serta mengenal pasti guru pembimbing berkelayakan untuk diberi latihan intensif," titah baginda.



## Gagasan Smart Selangor

# Inisiatif pintar atasi sampah haram disambut baik

OLEH NORHAYATI UMOR

**SHAH ALAM** - Inisiatif pihak berkuasa tempatan (PBT) menangani isu pembuangan sampah haram secara pintar dan inovatif selaras gagasan Smart Selangor disambut baik Kerajaan Negeri.

Exco Kerajaan Tempatan, Pemutihan Kilang Haram dan Pembangunan Kampung Baru, Ean Yong Hian Wah, berkata inisiatif Majlis

Perbandaran Sepang (MPSepang) memasang kamera litar tertutup (CCTV) bergerak di lokasi tempat pembuangan sampah haram di kawasan seliaannya wajar dicontohi PBT lain.

Katanya, bagaimanapun ia ber-gantung kepada kesesuaian PBT masing-masing untuk mengatas isu sampah secara berkesan.

"Kerajaan Negeri menggalakan PBT mengambil tindakan inisiatif

secara "smart" dan inovatif untuk mengawal isu pembuangan sampah haram," katanya kepada SelangorKini.

Baru-baru ini, Yang Dipertua MPSepang, Datuk Puasa Md Taib berkata, inisiatif itu bagi menge-nal pasti pembuang sampah yang menjadikan tempat letak kereta di kawasan komersial sebagai lubuk pembuangan sisa perniagaan.

"Kita sedang dan kenal pasti sia-

pa buang sampah di kawasan ter-babit, saya syak mereka peniaga dari kawasan berhampiran termasuk dari kawasan Majlis Perban-daran Subang Jaya (MPSJ) dan Sepang," katanya.

Katanya, MPSepang akan me-letakkan papan tanda denda di kawasan sering dijadikan tempat pembuangan dan mereka yang ditangkap bakal dikenakan kom-paun RM1,000 manakala kende-

raan digunakan akan disita.

"Kita tempatkan CCTV ini di lo-kasi panas, yang mana buang di kawasan selain rumah sampah, memang kita akan kenal pasti dan kenakan tindakan. Tahun ini sahaja sudah lima tangkapan dan sitaan dibuat," katanya.

Pada masa sama, Puasa berkata, MpSepang dalam proses mem-buat lantikan baharu kepada 14 kontraktor sampah domestik.

## Walimatul Urus beramai-ramai bantu pasangan berjimat



**KUALA SELANGOR** - Majlis walimatul urus secara beramai-ramai mampu menjimatkan kos serta mengeratkan silaturahim antara keluarga termasuk dari kalangan bukan beragama Islam.

Pegawai Tadbir Agama, Pejabat Agama Islam Daerah Kuala Selangor, Abdul Rahim Salleh, berkata ia adalah program ke-dua dianjurkan pihaknya bagi menghimpunkan pasangan pengantin baru di daerah itu termasuk dari kalangan saudara baru.

"Kali ini kita meraikan pasa-

ngan pengantin tidak terkecuali saudara baru yang mana kaum keluarga dapat turut bersama dalam majlis ini.

"Pendekatan ini (majlis di de-wan makan) supaya ahli keluarga tahu menganut Islam tidak memutuskan hubungan antara keluarga biarpun berbeza fahaman agama di mana yang membezakan kita hanya dari sudut aqidah," katanya.

Beliau berkata demikian semasa Majlis Perkahwinan Perdana "Mahligai Kasih Mega 2016" pada 1 Mei lalu.

Majlis turut dihadiri Orang Besar Daerah, Datuk Mohd Ya-akob Ismail, meraikan 11 pasang-an pengantin baru dalam satu majlis.

Beliau berkata, ternyata pro-gram dijayakan itu dapat mem-bantu keluarga dan pasangan pengantin berjimat sekali gus membantu masyarakat meng-hadapi kos sara hidup tinggi.

"Ini adalah alternatif dan kita berusaha dari semasa ke semasa bagi membabitkan orang ra-mai dalam program seperti ini," katanya.

### TINJAUAN ORANG RAMAI **WALIMATUL URUS BERAMAI- RAMAI**

Ternyata membantu keluarga dan pasangan pengantin baru terutama daripada segi kos penganjuran tinggi.

"Ia memang wajar diteruskan supaya lebih ramai lagi pasangan pengantin dapat menikmatinya,"

**Qamarul Aqramin Rosli, 26,  
dan Nurul Ashikin Ahmad, 26  
Pasangan suami isteri**



"Dengan kos sara hidup kian meningkat maka ia memang patut diadakan tambahan pula pakej mengadakan majlis perkahwinan juga agak mahal masa ini,"

**Abdullah Sani Saad, 26, dan  
isteri, Nor Izan Iawani Nordin,  
28, Pasangan suami isteri**

"Kami gembira dapat meraikan hari bahagia bersama saudara lain. Ia menarik bila diadakan dengan cara sebegini dan menandakan Islam itu bersaudara serta mementingkan kesederhanaan dalam hidup,"

**Muhammad Haris Abdullah, 40  
dan isteri, Nor Alisha Abdullah,  
40, Pasangan saudara baru**



## Terap Maqasid Syariah, perkasa penjawat awam

**HULU SELANGOR** - Pengan-juran Karnival Kampungku Ke-sayanganku (Karnival 3K) 2016 memberikan penekanan pelaksanaan Maqasid Syariah selaras dengan titah DYMM Sultan Se-langor.

Exco Hal Ehwal Agama, Jawatankuasa Adat Melayu, Pembangunan Desa dan Kam-pung Tradisi, Dato' Dr Ahmad

Yunus Hairi, berkata penekan-an konsep itu ditumpukan ke-pada penjawat awam kerana mereka bertindak selaku pelaksana dasar serta polisi dirangka Kerajaan Negeri.

"Kebiasaan hari pertama saya akan bertemu dengan Pejabat Agama Daerah tetapi kali ini kita adakan himpunan Maqasid Syariah di pering-

kat penjawat awam," katanya selepas pelancaran Karnival 3K peringkat Daerah Hulu Selangor pada 29 April lalu.

Berlangsung meriah di Masjid Al-Uhudiah, Kerling, pengan-juran kali keempat bagi tahun 2016 ini dihadiri penduduk se-tempat dan pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) Kem Pelangi Hill Resort.

Ahmad Yunus berkata, Kar-nival 3K kali ini juga akan di-serikan dengan Majlis Akad Nikah Perdana 13 pasangan yang membawa mesej bahawa konsep perkahwinan dalam Is-lam adalah mudah serta tidak membebankan.

Malam acara perasmian turut diisi Forum Perdana 3K dengan tajuk 'Akidah Kukuh Perpaduan

Teguh' yang disampaikan Pen-syarah Kanan Universiti Ma-laysia (UM) Ustaz Dr Roslan Mo-hamed dan pendakwah bebas, Ustazah Asni Mansor semen-tara Ustaz Farouk Faisal Anuar bertindak selaku moderator.

Setakat ini, tiga daerah su-dah diselusuri Karnival 3K adalah Sabak Bernam, Klang dan Sepang.

Kes denggi menurun

# Klang catat pengurangan 359 kes

OLEH NORHAYATI UMOR

**SHAH ALAM** - Usaha berterusan menangani wabak denggi dilaksanakan bahagian kesihatan Majlis Perbandaran Klang (MPK) menunjukkan keberkesanan apabila ia berkurang sebanyak 359 kes.

Yang Dipertua, Dato' Mohamad Yasid Bidin, berkata sehingga 24 April, sebanyak 491 kes dicatatkan dengan satu kematian.

Katanya, lokaliti wabak pada April adalah sebanyak 48 kawasan dan tiada wabak tidak terkawal dicatatkan di daerah Klang.

"Antara kawasan mencatatkan kes wabak tertinggi adalah di Jalan Klang Sentral Off Jalan Meru iaitu 13 kes.

"Jumlah keseluruhan lokasi diperiksa adalah 2,234 dan 133 da-

KES DENGGI	
BULAN	KES
JANUARI	1,074
FEBRUARI	877
MAC	805
APRIL	506

ripadanya dikenal pasti sebagai tempat pembiakan. Sebanyak 44,790 semburan turut dilakukan MPK," katanya kepada pemberita.

Pada masa sama, Yasid berkata, MPK akan terus melaksanakan langkah pencegahan bersama masyarakat setempat selain membuat semburan 'fogging' secara berterusan.

"Sebelum ini kita sudah me-



ngadakan lebih sepuluh gotong-royong dan lapan ceramah semasa aktiviti dijalankan.

"MPK juga bersama-sama Pejabat Kesihatan Daerah Klang mengadakan operasi penguatan kuasaan di lokaliti hotspot iaitu di Apartmen Casuarina, Bandar Botanik dan Jalan Sungai Keramat 26 selama dua bulan," katanya.



## MPK gempur kawasan panas pembiakan Aedes

**SHAH ALAM** - Tiga premis diberikan notis tujuh hari oleh Majlis Perbandaran Klang (MPK) kerana dipercayai menjadi tempat pembiakan Aedes di kawasan Klang Utama ketika operasi penguatan kuasaan denggi, di sini, baru-baru ini.

Pengarah Jabatan Kesihatan MPK, Azmi Muji, berkata arahan itu dikeluarkan ekoran kawasan berkenaan menimbulkan kacau ganggu dan berisiko kepada pembiakan Aedes yang boleh mengancam keselamatan penduduk.

Beliau berkata, satu notis diserahkan kepada pemilik premis manakala dua lagi ditampal berdekatan lokasi tanah yang menjadi tempat penternakan ayam dan tapak projek terbangkalai.

"Menerusi notis itu, MPK memberi tempoh tujuh hari terhadap pemilik premis supaya membersihkan kawasan sebelum tindakan tegas diambil.

"Jika enggan mematuhi notis kompaun, mereka boleh denda mengikut Seksyen 82 Akta Kerajaan Tempatan sehingga

RM2,000," katanya yang membuat terjah denggi di Taman Klang Utama.

Azmi berkata, operasi penguatan kuasaan tertumpu di bahagian Klang Utama ekoran kawasan itu adalah kawasan 'panas' denggi.

"Sehingga 25 April lalu, 26 kes denggi dicatatkan di kawasan ini.

"Kami melihat jumlah kes tinggi ini sebagai serius dan operasi ini menjadi salah satu usaha mendidik penduduk supaya menjaga kebersihan persekitaran," katanya.

## COMBI SEDAR berkesan atasi denggi

**PETALING JAYA** - Kempen COMBI SEDAR (Pasukan Mencari dan Musnah Aedes) serta aktiviti gotong royong dilaksanakan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) membuatkan hasil apabila kes denggi berjaya dikurangkan dan mendapat pujian Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Datuk Bandar MBPJ, Mohd Azizi Mohd Zain, berkata trend penurunan kes dilaporkan pada minggu ke-16 adalah 81 kes menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 1,824.

"Bilangan kes dilaporkan menujun sebanyak 27 peratus daripada jumlah kes pada minggu sebelumnya iaitu 112 kes. Jumlah lokaliti Wabak adalah 48, manakala lokaliti wabak aktif 18.

"Jumlah lokaliti wabak tidak terkawal adalah lapan lokaliti dan tia-

da kes kematian baru dilaporkan," katanya.

Walaubagaimanapun, Mohd Azizi berkata, orang ramai diingatkan supaya terus peka dan berwaspada bagi memastikan persekitaran kediaman bersih dan bebas daripada pembiakan Aedes.

"Ahli Majlis setiap zon juga perlu bertanggungjawab meningkatkan lagi usaha mendidik dan menyampaikan maklumat kepada masyarakat untuk berjaga-jaga kerana KKM menjangkakan peningkatan kes denggi akan berlaku pada Mei hingga Julai ini.

"Ia ekoran faktor cuaca dan trend kes denggi menunjukkan corak sama sejak tempoh dua tahun kebelakangan ini," katanya.

## Kes denggi turun namun penduduk mesti waspada

**SUBANG JAYA** - Kes demam denggi dilaporkan menurun kepada 197 kes berbanding minggu Epid ke-15 sebanyak 266 kes direkodkan.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Datuk Norhisham Ahmad Dahalan, berkata angka itu menjadikan minggu Epid ke 16 (sehingga 23 April) sebanyak 197 kes.

Katanya, bilangan lokaliti hotspot juga menurun kepada 34 lokaliti daripada 39 terdahulu.

"Penurunan kes denggi ini memberangsangkan dan kita berharap dapat mengurangkan lebih banyak kes," katanya kepada pemberita.

Sebelum ini, MPSJ melapor 752 kes denggi sehingga Disember lepas dan 308 kes sejak Januari.

MPSJ menjalankan aktiviti

'fogging' dengan mengeluarkan semburan jenis Toxorhynchites (Toxo) di beberapa kawasan hotspot terpilih.

"Aktiviti semburan kabus itu dijalankan setiap hari seperti dijadualkan di setiap pejabat daerah.

"Penduduk disarankan meluangkan masa selama 10 minit seminggu mencari dan memusnahkan tempat pembiakan nyamuk," katanya..

## SELANGOR INI SIDANG PENGARANG

PENASIHAT: Lembaga Editorial CCSB

KETUA PENGARANG: Cecelia Alphonsus

PENGARANG: Nurul Farina Nazlan

PENOLONG PENGARANG: Mohd Ezli Mashut, Naeem Raffi, Afeeqa Afeera

WARTAWAN:

Hafizan Taib: hapizantaib@mediaselangor.com,

Nazli Ibrahim: nazli@mediaselangor.com,

Afix Redzuan: syafiq@mediaselangor.com,

Lizawati Madfa: lizawati@mediaselangor.com,

Norhayati Umor: hayati@mediaselangor.com,

Syasya Sufian: syazwanisufian@mediaselangor.com

Ermizi Muhamad: noraizie@mediaselangor.com

JURUGAMBAR: Asri Sapie, Raheemie Arifin & Shuaib Ayob

GRAFIK & REKA LETAK: Unit Grafik CCSB

PENGURUS PEMASARAN & PENGIKLANAN:

Budi Setyawan: budi@mediaselangor.com | 013 399 2848

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43,

Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel: 03-5523 4856 Faks: 03-5523 5856 Emel: info@mediaselangor.com

## Tabung Generasi Yawas (TERAS)

# Penyumbang terima rebat cukai LHDN 10%

OLEH ERMIZI MUHAMAD

**KLANG**-Penyumbang kepada Tabung Generasi Yawas (TERAS) layak menerima rebat cukai pendapatan daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Exco Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Keajakan, Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi, berkata ketetapan itu bagi menarik lebih banyak lagi syarikat swasta dan anak syarikat milik Kerajaan Negeri menyumbang kepada tabung kebajikan itu.

"Diharap anak syarikat Kerajaan Negeri, syarikat swasta mahupun individu memberikan sokongan kepada usaha ini dengan menyumbang kepada tabung TERAS.

"Bersama-sama kita menyokong sepenuhnya usaha seperti ini supaya Selangor terus diiktiraf sebagai negeri maju menjaga kebajikan rakyatnya," katanya pada Majlis Penyerahan Bantuan Sumbangan TAWAS di Masjid Asy Syariff, Meru Klang pada 29 April lalu.

Sebelum ini, LHDN menawarkan pengurangan rebat sebanyak tujuh peratus daripada pendapatan agregat untuk penyumbang individu dan sepuluh peratus lagi daripada pendapatan agregat syarikat.

TERAS adalah singkatan daripada Tabung Generasi YAWAS yang diwujudkan sejak 2014 berperanan membantu ahli TAWAS yang kurang berasib baik.

Selain itu, objektif penubuhannya bagi membantu meningkatkan pembangunan pendidikan, modal insan dan kebajikan masyarakat seluruh Selangor.

Dalam perkembangan berkaitan, Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) selaku pengurus kepada Skim TERAS menerima sumbangan sebanyak RM80,834.85 daripada beberapa syarikat milik kerajaan, swasta serta orang perseorangan sehingga 31 Disember 2015.

Dari jumlah itu, beberapa program penyampaian sumbangan dilaksanakan pihak YAWAS melalui kerjasama Pejabat Tanah Daerah dan Pusat Khidmat DUN seluruh negeri.

Semua sumbangan diberikan dalam bentuk wang tunai kepada masyarakat kurang berasib baik yang mendaftar di bawah program bantuan terbabit.



## YAWAS terus konsisten bantu masyarakat

**KLANG** - Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) mendapat kelulusan pengecualian cukai daripada Kementerian Keuangan Malaysia sehingga tahun berakhir 2016.

Pengurus Besarnya, Mohd Nor Mohd Zin, berkata proses terbabit membolehkan YAWAS melaksanakan program bantuan jangka panjang sekali gus mampu memberi manfaat kepada masyarakat memerlukan.

"Alhamdulillah YAWAS mendapat kelulusan pengecualian cukai di bawah subsekyen 44(6) ACP 1967 daripada pihak kementerian.

"Kelulusan ini membolehkan pihak YAWAS mewujudkan tabung dikenali sebagai Tabung Generasi YAWAS (TERAS) apabila penyumbang layak menerima rebat cukai pendapatan daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)," katanya.

Beliau berkata demikian menerusi kenyataan disampaikan Esekutif Kanan Perhubungan Awam YAWAS, Atiqah Akma pada Majlis Penyerahan Bantuan Sumbangan TAWAS di Masjid Asy Syariff, Meru, Klang pada 29 April lalu.

Sebelum ini, proses kelulusan diterima sejak 2012 itu memberi peluang kepada setiap anak kelahiran Selangor yang mendaftar di bawah program ini layak menerima bantuan pembangunan modal insan, pendidikan dan kemasyarakatan.

Bagaimanapun YAWAS tampil dengan sedikit kelainan daripada bantuan awam lain apabila ahli TAWAS seluruh negeri mendapat manfaat sama.

Ini meliputi bantuan am kepada tahap penyakit kronik, kehilangan ibu bapa atau keluarga terlibat dalam bencana alam seperti banjir.

## 54 keluarga mangsa banjir terima bantuan

**KLANG** - Sebanyak 54 keluarga mangsa banjir DUN Meru menerima sumbangan RM200 bagi setiap anak berdaftar di bawah program kebajikan Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS).

Eksekutif Kanan Perhubungan Awam YAWAS, Atiqah Akma, berkata bantuan berkenaan adalah inisiatif berterusan TAWAS dalam memastikan aspek kebajikan ahlinya tidak dipinggirkan.

"Sumbangan yang kita dapat daripada pelbagai syarikat kor-



**Sumbangan yang kita dapat daripada pelbagai syarikat korporat dan individu tertentu, kita agihkan kepada ahli TAWAS kurang berasib baik**

porat dan individu tertentu, kita agihkan kepada ahli TAWAS kurang berasib baik," katanya ketika ditemui pada Majlis Penyerahan Bantuan Sumbangan TAWAS.

Bantuan disampaikan Ahli Dewan Negeri (ADN) Meru, Abdul Rani Osman di Masjid Asy Syariff, Meru Klang pada 29 April lalu.

Sementara itu penerima bantuan, Elyzan Mohd Zain, 35 berkata bantuan terbabit dimanfaatkan sepenuhnya untuk keperluannya sekeluarga.

"Saya terkejut dapat bantuan lebih, ingat seorang anak saja dapat. Alhamdulillah, saya bersyukur dengan bantuan ini saya akan gunakan sebaiknya untuk keperluan sekolah anak-anak," katanya.

Bagi Mad Sakeri Abdul Rashid, 44, keprihatinan itu membuktikan kesungguhan Kerajaan Negeri membantu golongan memerlukan.

"Ini kali pertama saya menerima bantuan ini dan diharapkan Kerajaan Negeri meneruskan bantuan seperti ini," katanya.



## KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan dan syarikat kontraktor hendaklah dimiliki 100% oleh rakyat tempatan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini untuk kerja-kerja berikut:-

No	Butir-Butir Tawaran	Syarat-Syarat Pendaftaran	Harga	Tarikh dan Tempat Pembelian Dokumen Tender
A	<b>No Tender:</b> WHB/PU/OT/PRO/08/16  <b>CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN SEBUAH BANGUNAN SETINGKAT SEBAGAI GALERI JUALAN UNTUK CADANGAN PEMBANGUNAN DI ATAS SEBAHAGIAN LOT PT 1241 (LOT 3876) HS (D) 2618, BANDAR PUNCAK ALAM, DAERAH KUALA SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN UNTUK TETUAN WORLDWIDE HOLDINGS BERHAD.</b>	Berdaftar dengan CIDB Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor  <b>Gred :</b> G5 – G6 <b>Kategori :</b> B	Bayaran Dokumen Tender RM1,000.00 kepada BAHARUDDIN ALI & LOW SDN BHD (Tidak akan Dikembalikan)	28 April 2016 Sehingga 5 Mei 2016  <b>Di pejabat:-</b> BAHARUDDIN ALI & LOW SDN BHD No. 217 & 219, Jalan Perkasa Satu, Taman Maluri, Cheras, 55100 Kuala Lumpur.  T: 03-9285-3744 F: 03-9285-5452  <b>Waktu Pejabat</b> Isnin - Jumaat 9.00pg -12.30tgh dan 2.00ptg – 6.00 ptg  <b>Tarikh Tutup Tender:-</b> Sebelum atau pada jam 12.00tgh, 19 Mei 2016 (Khamis)

Dokumen yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan bertanda dengan tajuk kerja dan nombor tender berkenaan pada sebelah atas kiri sampul dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat berikut:-

JABATAN PEROLEHAN  
WORLDWIDE HOLDINGS BERHAD (6430-P)  
ARAS 4, NO 1 WORLDWIDE@7  
JALAN LAZUARDI 7/29  
40000 SHAH ALAM  
SELANGOR DARUL EHSAN  
No. Tel : 03-55102525 No. Fax 03-55104448

Dokumen Tender yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

**ATIQAH AKMA**  
Eksekutif Kanan Perhubungan Awam YAWAS

OLEH ERMIZI MUHAMAD

## Desak PM undur

# Deklarasi Rakyat rujuk Majlis Raja-Raja

**SHAH ALAM** - Gerakan Selamatkan Malaysia berjaya mengumpul lebih 500,000 tandatangan melalui Deklarasi Rakyat yang mendesak pengunduran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Ketua Sekretariatnya, Datuk Kamarudin Jaafar, berkata perancangan secara tentatif sedang dipergiat supaya sasaran sejuta tandatangan berjaya dikumpul untuk dipersembahkan kepada Majlis Raja-Raja, pada 11 dan 12 Mei ini.

"Jumlah itu diserahkan kepada Raja-Raja Melayu dan Yang Dipertuan Agong pada tarikh ditetapkan nanti melalui penyimpan Mohor Besar Raja-Raja.

"Inisiatif ini adalah perancangan secara tentatif yang sedang kita bincangkan bagi mendesak pengunduran Perdana Menteri," katanya kepada SelangorKini, pada 2 Mei lalu.

Sejak dilancarkan 4 Mac lalu,

Gerakan Selamatkan Malaysia optimis campur tangan Majlis Raja-Raja adalah pendekatan terpenting untuk memastikan matlamat pengunduran Najib dicapai.

"Salah satu tugas penting Majlis Raja-Raja sudah tentu untuk

menjaga keselamatan, kebijakan dan kemakmuran negara.

"Jadi, tidak hairanlah apabila Majlis Raja-Raja mengeluarkan kebenaran dalam sidangnya sekitar Oktober lalu dengan mendesak Kerajaan Persekutuan menyele-

saikan kemelut 1MDB," katanya.

Deklarasi Rakyat sebelum ini dilancarkan sebagai cetusan rakyat untuk berkongsi pandangan bahawa negara ini hanya boleh terselamat jika Najib melepaskan jawatan sebagai Perdana Menteri.

## Berjaya raih sokongan masyarakat tolak Perdana Menteri



**SHAH ALAM** - Sejuta Tandatangan Deklarasi Rakyat diyakini menjadi simbolik bantahan dan suara rakyat untuk menyelamatkan Malaysia daripada terus ditadbir pemimpin korup.

Sukarelawan gerakan itu, Quah Su Enn mengambil inisiatif turun padang menyokong usaha mengumpulkan tandatangan daripada masyarakat awam.

"Saya bersama sukarelawan lain turun di kawasan Bukit Gasing dan beberapa kawasan tumpuan orang awam seperti pasar malam untuk mengumpulkan lebih banyak tandatangan.

"Ia menjadi begitu seronok apabila kami tidak perlu mencari atau mengajak mereka untuk menurunkan tandatangan tetapi masyarakat

sendiri datang untuk menyatakan sokongan.

"Dalam tempoh satu jam sahaja, kami berjaya mengumpulkan lebih 100 hingga 200 tandatangan satu malam. Ia sangat manis bagi kami," katanya kepada SelangorKini, pada 2 Mei lalu.

Beliau berkata, sokongan itu membuktikan harapan sebenar masyarakat Malaysia yang menuntut kepada pentadbiran bersih dan bebas korupsi.

Deklarasi Rakyat, cetusan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menjadi gerakan terbesar rakyat menuntut pengunduran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang dilancarkan, sejak 4 Mac lalu.

Prihatin terhadap kelemahan

urus tadbir Najib, deklarasi itu turut disertai beberapa pimpinan tertinggi Umno yang hilang kepercayaan terhadap presiden parti mereka.

Su Enn berkata, sentimen parti politik itu bukan menjadi faktor utama dalam menjamin kepada ke sejahteraan Malaysia lebih baik.

"Kami berharap deklarasi ini menjadi penggerak kepada suara rakyat. Soalnya sekarang, kita tidak tertumpu kepada sebarang agensi politik.

"Perhatian seluruh warganegara Malaysia adalah untuk menjadi rakyat di sebuah negara sejahtera dan bebas korupsi," katanya.

Maklumat lanjut berkenaan Deklarasi Rakyat boleh layari [facebook.com/Deklarasi-Rakyat](http://facebook.com/Deklarasi-Rakyat)

## Khazanah negara hak rakyat

**SHAH ALAM** - Hasil kekayaan negara perlu dikongsi secara adil oleh pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak kepada seluruh rakyat Malaysia, kata Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali.

Beliau berkata, prinsip keadilan perlu dipupuk dalam pentadbiran negara bagi memastikan hasil kekayaan dapat disalurkan kepada seluruh rakyat.

"Saya menggesa dalam sistem ekonomi ini, kita perlu melaksanakan prinsip pengagihan adil kepada semua kaum.

"Jangan kira kaum, agama dan bangsa sebab khazanah negara ini milik rakyat Malaysia bukannya milik Najib atau Rosmah."

"Apakah kita tidak boleh laksanakannya?" kata Mohamed Azmid ketika berucap dalam program ceramah "Selamatkan Ma-

laysia" di Alor Setar, Kedah, pada 1 Mei lalu.

Mohamed Azmin turut merujuk kecekapan dan kejayaan pentadbiran negeri di bawah Pakatan apabila berjaya menjadi penyumbang terbesar pendapatan negara kini.

Beliau percaya, keberkesanan itu terhasil daripada sistem pentadbiran adil dan telus diamalkan Pakatan di Selangor serta Pulau Pinang.

"Sebelum ini Najib serang kita, kata Pakatan tidak mampu mentadbir dan urus ekonomi. Tetapi Alhamdulillah, sekarang kita tadbir dua negeri paling kaya di Malaysia iaitu Pulau Pinang dan Selangor.

"Selangor saja kini menjadi penyumbang terbesar KDNK negara membabitkan 25 peratus daripada jumlah keseluruhan," katanya.

## Pegawai kerajaan mahu Najib turun

**SHAH ALAM** - Sukarelawan, Quah Su Enn berkongsi pengalaman beliau menjadi sebahagian daripada penggerak kepada pengumpulan sejuta tandatangan Deklarasi Rakyat yang dianjur Gerakan Selamatkan Malaysia.

Tanpa berselindung, beliau mengakui ada dalam kalangan penjawat dan pegawai kerajaan menyokong usaha gerakan itu dalam usaha menuntut ke arah Malaysia yang lebih baik.

Beliau percaya, kesedaran itu timbul atas faktor kegagalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang terpalit dengan pelbagai skandal kewangan, antaranya 1Ma-

laysia Development Berhad (1MDB).

"Kami turut menerima sokongan penjawat awam untuk turunkan tandatangan. Namun, ia bukan mudah kerana wujud kebimbangan daripada mereka ekoran proses tandatangan itu memerlukan nombor kad pengenalan.

"Mungkin kerana faktor itu menyebabkan ada antara mereka yang menyokong usaha ini, tetapi tidak berani untuk turunkan tandatangan kerana bimbang.

"Ia terserah, kerana perkara yang paling penting sekali adalah kami yakin deklarasi ini terus mendapat sokongan masyarakat sepenuhnya," katanya.



### PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa daripada penyebut harga-penyebut harga yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia serta berpengalaman dalam perkhidmatan dan bekalan berkaitan seperti berikut :-

Bil	No. Sebut harga	Butir-Butir Kenyataan Tawaran Sebutharga	Kelayakan Penyebutharga	Harga
1	SH/PTGS/09/2016	MENCETAK, MEMBEKAL DAN MENGHANTAR DOSET/KUPON PENGELUARAN BAHAN BATUAN NEGERI SELANGOR UNTUK PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR	Berdaftar dan membawa sijil asal Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang <b>221606</b> <b>DAN</b> Berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN)	<b>RM50.00</b>

2. Dokumen tawaran ini hanya akan dikeluarkan kepada penyebut harga / wakil yang sah sahaja. Dokumen tawaran boleh diperolehi di bahagian seperti yang tertera di bawah mulai 03 MEI 2016 (SELASA) hingga 10 MEI 2016 (SELASA):

**Bahagian Khidmat Pengurusan**  
**Tingkat 4, Pejabat Tanah Dan Galian Selangor**  
**Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**  
**40576 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan**

3. Penyebut harga dikehendaki membawa bersama sijil asal dan salinan **Akuan Pendaftaran Kontraktor dan Akuan Pendaftaran Kontraktor Bumiputera** daripada **Kementerian Kewangan Malaysia**, surat pendaftaran **UPEN** dan Wang Pos/Kiriman Wang atas nama "**BENDAHARI NEGERI SELANGOR**" berjumlah RM50.00 semasa pembelian dokumen sebut harga

4. Dokumen sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakir dan dimasukkan ke dalam peti sebut harga di alamat :-

**Pejabat Tanah Dan Galian Selangor**  
**Tingkat 4 , Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**  
**Selangor Darul Ehsan**  
**40576 Shah Alam**

Tarikh tutup : **10 MEI 2016 (SELASA) jam 12.00 tengahari.**

5. Pejabat Tanah dan Galian Selangor tidak semestinya menerima tawaran yang terendah.  
Tarikh: **03 Mei 2016**

**Pengarah**  
**Pejabat Tanah Dan Galian Selangor**



# PKNS

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR  
(SELANGOR STATE DEVELOPMENT CORPORATION)

## RALAT: KENYATAAN TENDER PRA-KELAYAKAN

Pra-Kelayakan adalah dipelawa dan TERBUKA kepada kontraktor-kontraktor yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam Gred Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut:-

**CADANGAN MEREKABENTUK DAN MEMBINA RUMAH SELANGORKU (RSKU) DI SELANGOR CYBER VALLEY:-**

- i) FASA 1 DI SEKSYEN 6
  - 432 UNIT RSKU JENIS C (900kp)
  - 432 UNIT RSKU JENIS D (1,000kp)
- ii) FASA 2 DI SEKSYEN 4
  - 440 UNIT RSKU JENIS A (700kp)
  - 343 UNIT RSKU JENIS B (750kp)
  - 609 UNIT RSKU JENIS D (1,000kp)

NO. KONTRAK: PKNS/IP/KD/KON-05/2016

No.	Perkara	Huraian
1.	Skop Kerja	1. Mendapatkan Kelulusan Pelan Kerja-kerja Awalan, Kerja-kerja Cerucuk, Kerja-kerja Bangunan, Kerja-kerja Mekanikal & Elektrikal, Kerja-kerja Infrastruktur, Kerja-kerja Landskap Dan Kerja-kerja lain yang berkaitan Urusan Mendapatkan Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC) 2. Melaksanakan Urusan Penyerahan Ke Pihak Berkusa Tempatan (PBT)
2.	Syarat-syarat Pra-Kelayakan	1. Syarat pendaftaran adalah berdaftar dengan CIDB Gred G7 Pengkhususan B04 dan CE21 Sijil Pengiktirafan Bumiputera (PK) bagi kontraktor BUMIPUTERA, Perakuan Pendafutan Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dari CIDB. (Kontraktor berdaftar yang telah digantung oleh CIDB dari memasuki tender tidak layak untuk memasuki Pra-Kelayakan). **Sila bawa bersama SJIL ASAL dan Satu Salinan setiap sijil berikut semasa pembelian. 2. Berdaftar dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia didalam GST. 3. Mempunyai Pengalaman 'Qlasic' atau 'CONQUAS' bagi projek perumahan Mempunyai persijilan dan pengalaman kerja-seperi yang disenaraikan di bawah : <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Sistem Pengurusan Kualiti (MS ISO 9001:2008)</li> <li>ii) Pensijilan Keselamatan &amp; Kesehatan Pekerjaan (OHSAS 18001:2007)</li> <li>iii) Pengurusan Alam Sekitar (ISO 14001:2004)</li> </ul> <b>(Salinan sijil atau apa bukti hendaklah dikemukakan bersama dokumen Pra-Kelayakan)</b> 5. Berpengalaman Dalam Melaksanakan Sistem Pembinaan Secara IBS. 6. Mempunyai keupayaan kewangan dan keupayaan Teknikal <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Nilai 'Shareholder Equity' pemegang saham melebihi RM20 Juta.</li> <li>ii) Mempunyai keupayaan untuk mendapatkan pembayaran projek 'Project Financing' dan melaksanakan projek secara pembayaran 'Bullet Payment'.</li> <li>iii) Kontraktor tidak dibenarkan untuk mencagat atau menyerahkan kesemuanya atau mana-mana bahagian di dalam Kontraktor Kerja kepada mana-mana institusi kewangan atau pihak ketiga sebagai sekuriti/jaminan bagi mendapatkan pembayaran.</li> <li>iv) Kontraktor tidak dibenarkan untuk menyerahkan kesemuanya atau mana-mana faedah, kepentingan atau tanggungjawab di dalam Kontrak Kerja kepada mana-mana pihak ketiga, tanpa kelulusan bertulis daripada PKNS.</li> <li>v) Kontraktor tidak dibenarkan untuk membuat sebarang perubahan/pindahan kepada struktur pegangan ekuiti atau pemegang saham syarikat sepanjang tempoh projek dilaksanakan.</li> <li>vi) Mempunyai keupayaan kewangan yang kukuh tanpa jaminan korporat daripada PKNS.</li> <li>vii) Nilai tahunan keseluruhan kerja yang telah dilaksanakan dengan jayanya dalam tempoh lima (5) tahun lepas tidak kurang daripada RM 150 Juta.</li> <li>viii) Rekod prestasi kerja yang baik dalam tempoh lima (5) tahun lepas dari segi tempoh penyiapan dan mutu kerja.</li> <li>ix) Pengalaman projek sebanding.</li> </ul>
3.	Borang Pra Kelayakan	Borang Pra-Kelayakan boleh diperolehi di Bahagian Perolehan, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Tingkat 7, Menara HPAIC, Laman Seri Business Park, No. 7, Persiaran Sukan, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan dari 06 Mei 2016 sehingga 27 Mei 2016 semasa waktu pejabat, tidak lewat dari 5.00 petang dari Isnin hingga Jumaat. Borang Pra-Kelayakan hanya akan dikeluarkan kepada kepada Kontraktor atau wakil yang sah sahaja. Sekiranya pihak Kontraktor ingin menghantar wakil, sila bawa bersama surat perwakilan kuasa dan membawa bersama sijil asal pendaftran. <b>Bayaran Dokumen Pra-Kelayakan RM 53.00 (Termasuk 6% GST) yang perlu disediakan dalam bentuk Wang Pos atau Bank Draft atas nama : PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR. (Bayaran ini tidak akan dikembalikan)</b> <b>***SATU TAKLIMAT bagi tender ini akan diadakan pada 05 Mei 2016 (Khamis) jam 10.00 Pagi bertempat di BILIK GERAKAN , TINGKAT 9, MENARA HPAIC, LAMAN SERI BUSINESS PARK, NO.7, PERSIARAN SUKAN, SEKSYEN 13,40100 SHAH ALAM, SELANGOR.</b> <b>Kehadiran ke sesi taklimat adalah DIWAJIBKAN.</b>
4.	Penyerahan Dokumen	Borang yang telah lengkap dengan CV terperinci berserta dokumen-dokumen sokongan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang ditetapkan dan bertulis dengan jelas tajuk projek hendaklah dihantar dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di pejabat : <b>Bahagian Perolehan, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Tingkat 7, Menara HPAIC, Laman Seri Business Park, No. 7, Persiaran Sukan, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.</b> <b>No. Tel : 03-55201234 atau layari Web Tender PKNS di <a href="http://etender.pkns.gov.my">http://etender.pkns.gov.my</a></b>
5.	Tarikh Tutup Penyerahan Pra-Kelayakan	06 September 2016 sebelum jam 12.00 Tengahari

Dokumen yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup tidak akan dilayan. Hanya Kontraktor-kontraktor yang disenaraikan pendek sahaja akan dimaklumkan dan layak ke peringkat Tender-seterusnya.



Tingkat taraf hidup rakyat

# Pembangunan usahawan teras ekonomi



OLEH HAFIZAN TAIB

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri menjadikan program pembangunan usahawan sebagai salah satu teras ke arah membantu rakyat meningkatkan taraf hidup dan ekonomi.

Exco Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari, berkata pelbagai program dijalankan seperti HIJRAH Selangor berjaya melahirkan lebih ramai golongan usahawan di Selangor.

Ia ekoran katanya, usahawan adalah salah satu tonggak kepada sistem ekonomi yang maju.

"Kerajaan Negeri memberikan tumpuan serius kepada soal pembangunan usahawan dalam Belanjawan Selangor 2016 dengan menyediakan peruntukan tambahan RM31 juta menampung peruntukan sedia ada RM100 juta.

"HIJRAH Selangor adalah program diperingkat permulaan usahawan boleh mendapat bimbingan bagi memulakan langkah pertama dalam dunia perniagaan.

"Ia menunjukkan prestasi sangat baik bukan hanya mampu membantu dan menyalurkan pinjaman kepada lebih 19,000 rakyat Selangor tetapi menunjukkan rekod baik dari segi kutipan pinjaman baik pada kadar 97 peratus," katanya.

Beliau berkata demikian semasa perasmian Selangor Food Mega Festival (SFMF) 2016 di Dataran Kemerdekaan Shah Alam, pada 1 Mei lalu.

Majlis terbabit turut dihadiri Pengurus Besar Tourism Selangor, Noorul Ashikin Mohd Din dengan lebih 150 usahawan menyertai SFMF 2016.

Amirudin berkata, kejayaan terbabit menguatkan tekad Kerajaan Negeri bagi membantu rakyat untuk berkongsi keberkatan dan kejayaan bersama.

"Kerajaan Negeri terus menerus melaksanakan program dianggap kebajikan atau pemberian kerana dengan adanya program seperti ini, rakyat yang perlu dapat dibantu dan menikmati taraf kehidupan lebih baik," katanya.

Katanya, Jawatankuasa Pembangunan Usahawan Negeri berjaya menganjurkan program SFMF dan menjadikan ia sebagai salah satu acara utama di Selangor walau-pun baru memasuki tahun kedua.

"Tidak dinafikan majoriti rakyat Malaysia adalah 'kaki makan' dan hampir 150,000 pengunjung dicatatkan pada SFMF tahun lalu.

"Perniagaan perkhidmatan pembekalan makanan dan minuman bukan hanya perniagaan bagi memenuhi keperluan asasi tetapi turut ditambah nilai dengan personaliti dipanggil gaya hidup," katanya.

**SELENGOR**

**SEMUA DIJEMPUT HADIR**

**KARNIVAL**

# **Kampungku Kesayanganku**

"Smart Selangor, Maju Sejahtera"

**HULU LANGAT**

**13-14 MEI 2016**

**MASJID KARIAH KG. RINCHING HILIR**

**PERCUMA!!**

- TUKAR MINYAK HITAM
- CUNTING RAMBUT
- RAHATAN MUKA & DANDANAN RAMBUT

**YB Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi EXCO Kerajaan Negeri**

**YAB Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali Dato' Menteri Besar**

**Tuan Hamidi Bin Abu Hassan Pegawai Penyelaras DUN Semenyih**

**KAYUHAN KAMPUNGKU KESAYANGANKU BERSAMA YB EXCO**

**KEJOHANAN SEPAK TAKRAW PIALA YB DATO' DR. AHMAD YUNUS HAIRI DAERAH HULU LANGAT**

**MAJLIS PERASMIAN 3K & FORUM PERDANA 3K**

**PERTANDINGAN** mewarna • cipta kad 2D • seni khat • gubahan sirih • masakan tradisional • kuih tradisional

**AKTIVITI** sukaneka • meneroka angkasa • memanah tradisional • penceritaan sejarah • memancing santai

**HALAQAH ILMU 3K**

**TAHNICK & SEMBANG SANTAI HD**

**MAJLIS AKAD NIKAH PERDANA**

**KLINIK** "Wudhuk Sempurna, Jimat Air"

**GERAI** Pameran dan Jualan

**KENDURI RAKYAT**

Maklumat Lanjut hubungi  
**03 8766 7229**

**ZAKAT SELANGOR**

Anjuran: Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu & Warisan, Pembangunan Desa & Kampung Tradisi

**Imam & Khatib Solat Jumaat**  
Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya  
Imam Masjid Negeri Shah Alam

**Ustaz Mohd Hazizan Zainal Abidin**  
moderator

**Ustaz Ahmad Dasuki Abdul Rani**

**Tuan Muhamad Nazri Hj Basrawi Jumaat**  
13 Mei 7.20 malam

**Ustaz** **Forum Perdana**  
"Ramadhan Bulan Tarbiah Keimanan"  
13 Mei | 9 malam

**Kuliah Maghrib**

**Dato' Dr. Mohd Naim**

**Dr. Kamal Radiman**

**Akhil Hayy**

**Man Raja Lawak**

**Ustaz Mohd Faryzan Subkihi**  
moder

**Halaqah ilmu**  
14 Mei | 9.30 pagi

**Dr. Mir Hazli**  
moderator

**"Hijrah Diri" Sembang Santai**  
14 Mei | 9 malam



01  
ADN Kajang, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail menziarahi saudari Johana yang baru kematian ibunya di Taman Sri Kantan, Kajang

02  
ADN Sri Andalas, Dr Xavier Jayakumar bersama warga emas di sambutan Malam Kebudayaan Chitirai di Kuil Raja Rajeswari, Taman Sentosa, Klang

03  
ADN Dengkil, Shahrum Mohd Sharif merasmikan Program Jom Ronda Skim Rondaan Sukarela (SRS) Bersama Pemimpin Masyarakat Peringkat Daerah Sepang 2016

04  
ADN Morib, Hasnul Baharuddin menyampaikan taklimat pada Kursus Asas Penyelenggaraan Elektrik

05  
ADN Tanjung Sepat, Mohd Haslin Hassan menziarahi Azrul Affandi, pelumba Cup Prix CP 115 untuk memberi sokongan bagi perlumbaan di Pulau Pinang

06  
Ahli Parlimen Serdang, Dr Ong Kian Ming menghadiri Kejohanan Robotik Malaysia 2016 di Stadium MPSJ Serdang Jaya

07  
ADN Damansara Utama, Yeo Bee Yin menziarahi penduduk di sekitar DUN itu

08  
ADN Sijangkang, Dato' Dr Ahmad Yunus Hairi beramah mesra dengan kanak-kanak ketika program gotong royong di DUN itu

09  
Ahli Parlimen Selayang, William Leong merasmikan Program Sepak Takraw Selayang Permai



Komited cegah kebakaran merebak

# Jabatan Perhutanan Selangor pantau guna dron



**E**mpat bulan pertama 2016 menyaksikan hampir semua Stesen Meteorologi di Malaysia mencatatkan rekod baru suhu tertinggi berbanding paras purata sebelum ini.

Antaranya, Stesen Meteorologi Prai mencatatkan 37.4 darjah celcius (°C) mengatasi rekod 36.9°C, pada 7 April 2015; Pulau Langkawi pula 38.0°C, berbanding rekod 37.5°C pada 13 April 2002 serta 14 dan 17 Mac 2005.

Manakala Batu pula, suhu tertinggi yang dicatatkan 38.5°C melebihi rekod 38.1°C pada 10 dan 11 April 1998 dan Keningau iaitu 37.5°C berbanding 36.6°C (9 Mac 2010), manakala Stesen Meteorologi Alor Setar merekodkan suhu tertinggi 39.1°C menyamai rekod, pada 27 Mac 1998.

Selain kepanasan melampau, keadaan itu turut menjadi penyumbang utama kepada peningkatan risiko kebakaran hutan termasuk di Selangor.

Walaupun sepatutnya pemanasan melampau yang berlaku ini menjadikan kebakaran hutan lebih dahsyat berbanding tahun sebelumnya, namun Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dengan dibantu pelbagai agensi lain berjaya mengurangkan keluasan kebakaran hutan daripada 1,806 hektar pada 2014 kepada 191 hektar tahun ini atau pengurangan 89.41 peratus.

Bagi mengetahui rahsia kejayaan ini, Wartawan Kanan SelangorKini, NAZLI IBRAHIM, mewawancara Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Selangor, Dr Mohd Puat Dahalan di pejabatnya di Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) Selangor, baru-baru ini.

## Q&A

**Boleh Dr ceritakan berkenaan kebakaran hutan pada musim El Nino kali ini dan adakah keadaannya lebih teruk atau lebih terkawal berbanding tahun lalu?**

Terima kasih kerana mengadakan wawancara seperti ini yang sangat tepat pada masa ini supaya saya boleh berikan gambaran lebih jelas berkenaan kebakaran hutan paya gambut di Selangor. Pada tahun ini, kita ada beberapa 'compartment' atau petak yang terlibat antaranya petak 32, 99, 100, 101 dan 102 di Hutan Simpan Raja Musa dengan anggaran 150 hektar.

Kita juga berhadapan kebakaran di Hutan Simpan Sungai Karang di petak tiga membabitkan satu hektar tetapi dapat dikawal dengan cepat dan di hutan paya gambut lain pula, petak 13, 17 dan 24 iaitu di Hutan Simpan Kuala Langat Selatan de-

ngan keluasan 31 hektar. Secara keseluruhanya 182 hektar, bermakna tidak sampai 190 hektar.

Menjawab soalan tadi, bagi tahun 2016 persediaan kita kali ini sangat berkesan khususnya disebabkan pengalaman dan persediaan sebelum ini di bawah seliaan Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor yang ditubuhkan di bawah Datuk Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor sejak kejadian awal berlaku yang dikecaskan, pada 20 Mac lalu. Kita dapat menyelaraskan tindakan berspadu dengan begitu cepat.

Kita menggunakan kaedah terkini dengan pemantauan lebih tepat menggunakan pesawat dron yang dibekalkan Unit Pengurusan Bencana Negeri.

Dengan menggunakan dron, kita dapat memberi lokasi kebakaran dengan lebih tepat, tindakan pemadamannya semua agensi terlibat termasuk bomba, Jabatan Alam Sekitar (JAS), Pentadbir Ta-

nah Daerah, Sahabat Gambut di utara Selangor termasuk badan bukan kerajaan (NGO). Dengan adanya usaha berspadu pelbagai pihak yang cekap ini, kita dapat kawal kebakaran merebak daripada menjadi lebih luas.

**Tadi Dr ada menyebut penggunaan dron. Boleh Dr ulas lebih lanjut?**

Penggunaan dron memberikan kita 'real time data'. Bila terbangkan dron, kita dapat memantau sejauh lima kilometer. Kalau dalam hutan, lima kilometer ini dianggap jauh sebab tinjauan biasa mungkin mengambil masa sehingga dua hingga tiga jam atau mungkin lebih ditambah dengan bahaya berhadapan kebakaran hutan dan sebagainya.

Bila kita hantar dron, tak sampai beberapa minit dah sampai ke lokasi dan boleh hantar isyarat gambar masa sebenar, lokasi lebih

tepat, gambaran keadaan kebakaran dan seterusnya kita dapat putuskan selepas melihat skala kebakaran itu bentuk tindakan bagaimana yang perlu diambil.

Selain itu, dron turut membekalkan data keadaan persekitaran lokasi kebakaran itu seperti adakah berhampiran kolam, adakah terdapat sumber air atau kawasan berhampiran juga kering. Maklumat dibekalkan dron ini dapat kita selaraskan tindakan lebih cepat, tepat dan baik.

Bagi pihak jabatan, kita cuba usaha untuk dapatkan dron sendiri dalam masa terdekat. Pada masa ini, kita harapkan Unit Bencana Negeri Selangor sahaja. Mereka gunakan di seluruh Selangor untuk pelbagai tujuan lain.

Perolehan dron ini kita dapat manfaatkan dalam bermacam cara, bukan sahaja kebakaran hutan sahaja tetapi juga memantau pencerobohan hutan dan sebagainya. Kita lihat penggunaan

dron ini sebagai satu kaedah yang kita boleh amalkan dalam aspek pengurusan hutan secara keseluruhan dan holistik.

Saya akan segera berbincang dengan pihak tertentu termasuk Pegawai Kewangan Negeri. Kita akan lihat mungkin ada kaedah yang membolehkan dron diperoleh secepat mungkin dan kemungkinan boleh digunakan peruntukan Jabatan Perhutanan yang ada sekarang untuk membuat perolehan dron ini tetapi sudah tentu tertakluk kepada tatacara pembelian ini.

Dron ini bukan setakat beli begitu sahaja tetapi kita kena nilaikan juga pakej yang disertakan. Kita tak nak beli tetapi hanya pakai pada tahap minima sahaja. Kita nak pakej mampu memberi pulangan maksima secara keseluruhan.

Saya rasa kebetulan pula kegunaan dron pada masa ini agak tinggi di serata negeri dan permintaan jadi banyak menyebab-

kan terdapat persaingan penge-  
luar dron, sekali gus menawarkan  
harga kompetitif.

Menggunakan dron lebih rendah berbanding menerbangkan sebuah helikopter atau pesawat kecil untuk membuat tinjauan yang sekali penerbangan sahaja kosnya mungkin mencecah belasan ribu atau ada juga puluhan ribu ringgit tetapi kita boleh guna berulang kali dengan dron.

**Apakah antara cabaran utama Jabatan Perhutanan Selangor bagi mengatasi isu kebakaran hutan dan bagaimana kaedah mengatasinya?**

Sebenarnya, tidak memadai kita ada Pelan Pengurusan Bersepadu (IMP) tetapi tidak dapat laksanakan sepenuhnya. Peruntukan adalah perkara yang amat penting. Alhamdulillah, Kerajaan Negeri memberi peruntukan yang cukup kepada Jabatan Perhutanan Negeri Selangor untuk menggerakkan aktiviti melaksanakan program pembangunan hutan khususnya di hutan paya gambut di Selangor Utara dan Hulu Langat.

Bagi Rancangan Malaysia ke-11, kita sudah mula merancang bagaimana hendak menguruskan 'water table' iaitu jadual paras air di dalam hutan paya gambut sendiri.

Kaedah menguruskan 'water table' atau jadual paras air supaya berada di bawah lantai hutan tidak jatuh di kala musim kemarau adalah cabaran paling besar Jabatan Perhutanan Negeri Selangor.

Saya melawat Hutan Simpan Raja Musa dan lihat paras air, kalau ikutkan dalam cuaca sekarang sepatutnya susut tetapi disebabkan pengurusan hutan yang begitu teliti dengan mengambil kira kaedah kawalan penyusutan air dalam kawasan hutan simpan kita, sehingga kini paras air berada pada paras selamat.

Namun, bahagian permukaan memang sudah kering sebab hujan tidak turun sudah berapa lama di situ antara tiga atau empat bulan tetapi masih boleh bertahan disebabkan berjayakekalkan paras air tadi dengan membuat pemeriksaan empangan dan memasang pam besar berkapasiti tinggi yang diluluskan Pihak Jabatan dan Saliran (JPS).

Kita pasang di sana dan mula beroperasi ditambah dengan pihak JPS yang turut membantu meminjamkan pam mereka, maka kita bawa air daripada lombong dan salir juga banjirkan kawasan hutan. Kita juga ada buat rangkaian saliran paip memasuki kawasan hutan. Bila dipam, air ini akan membantiri kawasan hutan di bahagian bawah sehingga di paras yang dirasakan perlu.

**Apabila berlaku sesuatu kebakaran hutan, biasanya kerugian dalam bentuk bagaimana akan berlaku?**



Sebenarnya, kerugian memang amat memberi kesan kepada kita. Pertama sekali jika membabitkan kemasuhan pokok yang ditanam, jaga, belai bertahun-tahun tiba-tiba musnah sekilip mata, maka ia sangat memberi kesan kepada semua bukan sahaja Jabatan Perhutanan tetapi seluruh generasi masyarakat. Kebakaran ini akan memusnahkan secara 'total' dan kalau yang ada tertinggal juga akan mati akibat kesan haba kebakaran.

Selain pokok, binatang juga akan terjejas. Hutan paya gambut adalah habitat binatang tertentu, contohnya di hutan paya gambut ini ada ikan tapah dan bujur yang tidak semua tempat ada ikan seperti ini. Ikan sumber makanan dan ekonomi kepada penduduk kerana di hutan ini ada enam spesis ikan yang boleh dikomersialkan.

**Kalau dinilai daripada segi wang ringgit, berapakah jumlah kerugian dicatatkan tahun lalu dan setakat ini bagi 2016?**

Kalau nak nilai daripada segi wang ringgit, kita tak boleh beri nilai tepat. Mungkin ada yang nilai untuk satu hektar RM10,000 atau RM20,000 dengan mengambil kira pokok dan binatang yang ada tetapi sebenarnya kita perlu ingat kawasan hutan

paya gambut ini adalah kawasan yang sudah berevolusi sejak ribuan tahun.

Air yang terkandung dalam kawasan hutan paya gambut pula adalah takungan yang membekalkan air kepada pesawah

**Alhamdullilah,  
Kerajaan Negeri  
memberi peruntukan  
yang cukup kepada  
Jabatan Perhutanan  
Negeri Selangor  
untuk menggerakkan  
aktiviti melaksanakan  
program pembangun-  
an hutan khususnya  
di hutan paya gambut  
di Selangor Utara dan  
Hulu Langat.**

padi di daerah Sabak Bernam dan sebagainya. Jadi, sumber air ini kalau kita nak terjemah kerugian wang ringgit, ia turut meliputi pendapatan petani.

Sumber air ini dialirkan melalui Sungai Tengi dan kemudian dimanfaatkan melalui terusan untuk pesawah padi. Kita pun tahu sawah padi di Sabak Bernam sangat subur sehingga menjadi kawasan pengeluaran padi tertinggi per hektar.

Saya percaya, hutan ini bukan sahaja membekalkan air kepada pesawah tadi tetapi juga mungkin terdapat mineral baik yang kita belum tahu lagi terdapat dalam kandungan air yang menyebabkan tanah pesawah di Sabak Bernam begitu subur.

Saya rasa Jabatan Pertanian perlu buat kajian berkenaan kandungan air hutan gambut ini. Kalau kita tengok air hutan gambut ini berwarna gelap seperti nescafe 'O' menandakan kandungan mineral yang tinggi selain itu juga menyumbang oksigen seperti hutan lain.

Secara keseluruhannya, bagi menjawab soalan tadi sebenarnya kita tidak dapat nilai kerugian kerana peranannya tidak ternilai daripada segi wang ringgit.

Sebenarnya, kita diaugerahkan empangan semula jadi yang baik iaitu Hutan Simpan Raja Musa. Cuma, kita perlu urus den-

gan baik supaya tidak berlaku kerosakan ekosistem yang sangat unik dan dinamik ini.

**Apakah nasihat kepada orang ramai berkenaan isu kejadian kebakaran hutan yang semakin banyak berlaku sekarang?**

Nasihat saya, kita berhadapan dengan musim El Nino ini, maka kena berhati-hati dan berwaspada. Segala tindak tanduk kita khususnya berkenaan perkara yang mengakibatkan kebakaran perlu berhati-hati. Paling baik kita tidak membuat pembakaran.

Jika ia berlaku, kena cepat maklumkan pada pihak berkua-sa negeri, PBT dan sebagainya kerana kita mempunyai Unit Pengurusan Bencana yang efisien. Jangan kira siapa yang mulakan kebakaran, tanah siapa, hutan simpan mana atau tepi jalan.

Kita jangan tidak ambil kisah jika berlaku di tanah persendirian kerana dari situ boleh merebak sama ada ke tanah persendirian orang lain, tanah milik kerajaan atau hutan simpan yang akhirnya menghasilkan jerebu dan memberi kesan kepada semua orang tanpa memilih siapa. Kesan paling ketara adalah kesihatan, sosial dan ekonomi seperti sektor pelancongan.

Sekarang juga ada beberapa sekolah ditutup kerana panas dan sama juga kalau jerebu teruk sangat, maka sekolah terpaksa ditutup. Kita perlu bertindak bijak dan cepat. Bijak sahaja tetapi tidak cepat tidak memadai.

Di Lebuh Raya Elite contohnya, pemandu hisap rokok dan ba ling saja ke luar. Dia fikir akan padam tetapi sebenarnya, dalam keadaan begini pun tunjang rokok sahaja boleh menyebabkan kebakaran. Api ini masa kecil dia kawan tetapi bila besar dia makan kawan.



## Warna-warni Hulu Selangor

# Daerah vintaj yang kaya warisan

OLEH AFEEQA AFEERA

**H**ULU Selangor bukanlah lokasi asing bagi kebanyakan masyarakat, namun harus diakui popularitinya belum setanding daerah lain di negeri ini.

Ramai menganggap ia adalah daerah 'old school' memandangkan seni bina dan reka bentuk bangunannya masih mengekalkan ciri lama tidak seperti di Petaling, jauh sekali Kuala Lumpur.

Hakikatnya ramai tidak menyedari di sebalik 'lapuk' Hulu Selangor itu, ia sebenarnya salah satu destinasi yang bukan sahaja kaya warisan, malah dilimpahi kawasan pelancongan menarik khususnya buat pencinta ketenangan dan keindahan alam sekitar.

Menyedari kepentingan mempromosi pelancongan di daerah itu dan Selangor amnya ke peringkat antarabangsa, Kerajaan Negeri bersama Tourism Selangor sekali lagi menganjurkan program Eat, Travel, Write pada 21 April lalu.

Pemilihan daerah itu dilakukan ekoran potensinya sebagai kawasan tumpuan eko pelancongan negeri di samping meraikan Tahun Melawat Hulu Selangor 2017.

## Menelusuri daerah Bunga Matahari

Penerokaan di Hulu Selangor dimulakan dengan melawat Pusat Konservasi Hidupan Liar Sungai Dusun, Kuala Kubu Bharu bagi melihat sendiri penternakan tapir, buaya dan landak.

Ironinya, ia mungkin kelihatan biasa di mata masyarakat, namun pengunjung berpeluang mendekati hidupan liar di situ secara lebih dekat serta didedahkan berkenaan rutin penjagaan sehari-hari.

Menariknya, kebanyakan hidupan liar dipelihara kesan daripada kecederaan dialami ketika berada di dalam hutan dan diberikan rawatan serta penjagaan rapi sepanjang hayat mereka.

Rasanya tidak lengkap jika ke Kuala Kubu Bharu tetapi tidak singgah di Bukit Fraser yang terkenal dengan konsep ekopelancongan di samping keseimbangan warisan bandar taman.

Udara nyaman menemani sepanjang perjalanan mendaki Bukit Fraser memberi ketenangan kepada sesiapa sahaja yang berkunjung ke sana.

Di situ, antara kawasan penginapan terkenal adalah Rumah Rehat Seri Berkat bercirikan Inggeris yang dibina sekitar 1926 oleh Pertubuhan British Red Cross, ditujukan kepada bekas anggota

tentera pada 1914.

Ia juga sebagai tanda terima kasih kepada Tanah Melayu atas kemurahan hati dan kerjasama diberikan sewaktu zaman pemerintahan mereka di luar negara ketika zaman peperangan.

Maka, tidak hairanlah Bukit Fraser menerima jolokan 'Little Scotland' di samping suhu sejuk dan berkabus ketika waktu petang sehingga subuh yang membolehkan pengunjung menghirup udara segar.

## Riadah dan rekreasi

Ruginya jika menjelajah ke Hulu Selangor tetapi tidak singgah di tempat riadah yang kian menggapai populariti iaitu Sungai Chilling Kelah Sanctuary.

Biarpun laluannya agak ekstrem, namun keletihan akan terhapus sendiri sebaik sahaja melihat kejernihan sungai dan air terjun semulajadi yang dimiliki di kawasan itu.

Sesuai dengan nama 'chilling' atau santai, ia sinonim untuk aktiviti riadah dan berkhemah buat mereka yang gemarkan 'nature'.

Selain itu, pengunjung juga boleh melihat ratusan ikan kelah yang diternak di dalam sungai serta memberi makanan secara bebas kepada mereka.

Uniknya di situ, sebelum pengunjung dibenarkan mendaki ke puncak, renjer akan mem-



## Kaya makanan

riska kandungan beg dan mengira jumlah bekas makanan yang dibawa ke atas.

Tindakan sama akan dilakukan sebaik sahaja pengunjung turun semula ke bawah bagi memastikan jumlah bekas makanan yang dibawa tadi masih sama bilangannya.

La bagi memastikan pengunjung tidak membuat sampah sesuka hati ketika berada di puncak kerana kegagalan berbuat demikian akan dikenakan penalti atau denda.

Selain Sungai Chilling, pengunjung juga boleh menikmati aktiviti paragliding di Taman Milenium Kuala Kubu Bharu yang turut dilengkapi mini stadium serta kelengkapan riadah kelas pertama.

Landskapnya yang indah nyata memukau pandangan buat sesiapa berpeluang mencuba sukan lasak itu yang dikatakan 'ubat' bagi si penggayat.



acuannya.

Kuih tradisional itu dikatakan antara yang popular di Kuala Kubu Bharu dan belum pernah dihasilkan di mana-mana daerah lain selain Hulu Selangor.

Menu wajib cuba buat sesiapa yang berkunjung ke Hulu Selangor adalah masakan Asam Pedas Udang Galah yang pasti membuatkan anda terlur.

Di sebalik kesegaran udang galah yang dihidangkan, sekali lagi hanya Hulu Selangor yang menawarkan juadah seperti itu.

Pepatah ada mengatakan, tak kenal maka tak cinta. Jika tidak ke Hulu Selangor, bagaimana mahu selami keunikannya yang mungkin tiada di tempat lain.

Apa yang pasti, persepsi daerah ketinggalan zaman akan terhakis dari minda sebaik sahaja kaki menjelajah ke pelusuk Hulu Selangor.

Jika mahu diceritakan satu persatu, tidak habis rasanya. Luangkanlah sedikit masa berkunjung ke sana untuk merasai sendiri keindahan Hulu Selangor.

Elak penipuan

# JAIS bangunkan aplikasi semak sijil halal

OLEH NAZLI IBRAHIM

**SHAH ALAM** - Pengguna di Selangor boleh menikmati makanan kegemaran mereka tanpa was-was selepas ini apabila Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) membangunkan aplikasi menyemak status halal menerusi telefon pintar.

Pengarah JAIS, Datuk Haris Kasim, berkata langkah itu dibuat bagi mengelakkan penipuan dengan menyalahgunakan logo halal.

"Dalam industri halal ini, kita sentiasa pantau setiap dua atau tiga bulan bagi memastikan pemegang sijil halal sentiasa mematuhi garis panduan betul.

"Ini ekoran terdapat segelintir pemegang sijil halal hanya pada beberapa bu-

tan pertama sahaja mematuhi garis panduan ditetapkan," katanya ketika merasmikan Seminar Eksekutif Halal Negeri Selangor 2016 di Hotel Concorde di sini, 27 April lalu.

Haris berkata, syarat pensijilan halal bukan sahaja mencakupi makanan mematuhi hukum syarak, tetapi turut membabitkan pelbagai aspek termasuk kebersihan semasa penyediaan makanan.

Katanya, pihak didapati menyalahgunakan sijil halal boleh dikenakan denda sehingga RM250,000.

"Halal yang kita mahu bukan hanya halal barang sahaja tetapi halal dan toyyiban, contohnya kalau dapur kotor, letak barang makanan di lantai, juga kita boleh tarik balik sijil halal," katanya.



**Dalam industri halal ini, kita sentiasa pantau setiap dua atau tiga bulan bagi memastikan pemegang bersijil halal sentiasa mematuhi garis panduan betul**

**HARIS KASIM**  
Pengarah JAIS



## Separuh peserta Seminar Eksekutif Halal Selangor bukan Islam

**SHAH ALAM** - Seminar Eksekutif Halal Selangor 2016 mendapat sambutan menggalakkan apabila seminar sehari itu disertai 209 peserta.

Lebih membanggakan apabila separuh daripada peserta daripada 95 syarikat itu mewakili syarikat bukan Islam.

Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Datuk Haris Kasim, berkata ia membuktikan kesedaran golongan peniaga untuk mempraktikkan amalan

perniagaan sihat yang semakin meningkat kebelakangan ini.

"Apa yang mengagumkan, hampir separuh penyertaan terdiri daripada kalangan bukan Islam.

"Ini menunjukkan minat mendalam untuk mengetahui apakah itu halal dan bagaimana proses pensijilan halal dilaksanakan.

"Tiada isu agama di sini kerana halal mencakupi nilai sejagat yang sangat universal sifatnya,"

katanya ketika merasmikan seminar terbabit di Hotel Concorde, di sini, 27 April lalu.

Katanya, seminar itu diadakan bagi memastikan produk yang digunakan selamat, bersih dan menepati hukum syarak ke atas pengguna.

Beliau berkata, seminar itu juga memberi pendedahan kepada pemegang sijil halal bertukar pandangan berkenaan isu semasa membabitkan persoalan halal.

## Permohonan sijil halal di Selangor menggalakkan

**SHAH ALAM** - Selangor mencatatkan jumlah permohonan sijil halal paling menggalakkan berbanding negeri lain, kata Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Datuk Haris Kasim.

Beliau berkata, hal itu ekoran meningkatnya kesedaran pengguna bagi memperoleh produk yang terjamin baik daripada hukum syarak atau kualiti.

"Masyarakat dilihat lebih selesa mendapatkan produk harian yang

diberi jaminan halal melalui logo dipamerkan.

"Kempen kesedaran yang dilaksanakan secara meluas membolehkan produk mempunyai logo halal akan lebih menjadi pilihan," katanya ketika merasmikan Seminar Eksekutif Halal Negeri Selangor 2016, di Hotel Concorde, di sini, 27 April lalu.

Seminar sehari itu disertai 209 peserta mewakili 95 syarikat termasuk milik bukan Islam.



## RM145.3 juta biaya elaun guru KAFA, takmir, imam masjid

**SHAH ALAM** - Sejumlah RM145.3 juta diperuntukkan bagi membayar elaun 7,717 guru KAFA, takmir dan imam masjid di Selangor tahun ini.

Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Datuk Haris Kasim, berkata Kerajaan Negeri menyumbang RM79.4 juta, Kerajaan Persekutuan (RM37.9 juta) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) dengan sumbangan RM28 juta.

"Keseluruhan peruntukan digunakan bagi membayar 6,860 guru KAFA, 727 imam masjid kariah, 121 guru takmir dan sembilan Penolong Pegawai Penyelaras Takmir Daerah.

"Menyedari hakikat menjaga 'survival' ummah secara kolektif, maka pelbagai inisiatif diambil banyak pihak dan agensi ibarat berat sama dipikul, ringan sama

dijinjing," katanya pada program Multaqa Pegawai Masjid, Guru Takmir dan KAFA peringkat Selangor 2016 di Bangunan SUK, 28 April lalu.

Majlis disempurnakan DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah dan turut dihadiri Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali.

Pada masa sama, Haris berkata, guru KAFA, takmir dan imam memainkan peranan besar sebagai benteng mempertkuh pegangan Ahlus Sunnah Wal-Jamaah.

"Akidah adalah simpulan dan ikatan yang akan kukuh jika kita bersatu secara kukuh."

"Jika rapuh, maka ia membawa kita kepada perpecahan dan perselisihan yang berpanjangan," katanya.

MPK giat laksana penguatkuasaan

# Kutip cukai RM83.9 juta

OLEH NORHAYATI UMOR

**KLANG** - Sejumlah RM83.9 juta cukai taksiran berjaya dikutip Majlis Perbandaran Klang (MPK) sehingga 24 April lalu.

Yang Dipertua, Dato' Mohamad Yasid Bidin, berkata sebanyak RM71.8 juta (89 peratus) diperoleh daripada Cukai Taksiran 1/2016, manakala baki RM12.1 juta (32 peratus) adalah hasil tunggakan cukai.

Katanya, RM34.77 juta masih belum dibayar dan MPK akan terus menjalankan tindakan kutipan dan penguatkuasaan.

"MPK akan mengenakan Fi Notis sebanyak RM20 bagi setiap akaun cukai taksiran per penggal dan tindakan menahan harta alih melalui operasi siti di bawah peruntukan Seksyen 148 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

"Selain itu, tindakan menahan dan menjual hartanah di bawah peruntukan Seksyen 151 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan menjalankan ope-



**Mohamad Yasid Bidin**

rasi Kutipan Pintu ke Pintu bagi mengutip tunggakan jenis perniagaan," katanya.

Pada masa sama, Yasid berkata, MPK akan melaksanakan kempen pembayaran Cukai Taksiran di kawasan penduduk terpilih dalam Mei ini.

"Ia bermula dari jam 9 pagi hingga 2 petang di Pangapuri Palma (7 dan 8 Mei) dan Pangapuri Amazing Height (28 dan 29 Mei)," katanya.



## Petaling Jaya finalis EHCC 2016

**SHAH ALAM** - Petaling Jaya sekali lagi terpilih sebagai finalis pertandingan Earth Hour City Challenge 2016 (EHCC 2016) anjuran World Wildlife Foundation (WWF) bersama bandar raya Melaka dan Pulau Pinang mewakili Malaysia.

Datuk Bandar Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Mohd Azizi Mohd Zain, berkata pertandingan itu bertujuan mengiktiraf usaha kemampuan bandar hijau dilaksanakan bandar terpilih.

Katanya, MPBJ tercalon dalam kempen We Love Cities yang membolehkan masyarakat mengundi bandar kegemaran masing-masing bermula 26 April hingga 19 Jun ini.

"Sebanyak 42 buah bandar

daripada 21 negara di seluruh dunia terpilih sebagai finalis dan pemenang akan bertanding bagi Global Earth Hour Capital yang akan diadakan di Quito, Ecuador pada Oktober 2016," katanya dalam kenyataan.

Mohd Azizi berkata, bagi menarik lebih banyak undian untuk Petaling Jaya, pelbagai program akan dilaksanakan sepanjang tempoh lapan minggu.

Antaranya, Program Hari Organik CETDEM & MBPJ, Program Roadshow Inisiatif Hijau SS20, Program Zumba setiap Sabtu, bermula 30 April hingga 28 Mei dan Perhimpunan Kualiti Mei 2016.

Selain itu turut diadakan program PJ Ecomobility Conference,

Taklimat Pengendalian Makanan Bazar Ramadan, Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia dan Program Bazar Ramadan.

"Kita juga akan melakukan temu ramah dengan pengurusan MBPJ, Ahli Majlis, kakitangan dan penduduk berkenaan Petaling Jaya untuk dimuat naik video ke YouTube atau media sosial rasmi Majlis dan meletakkan hashtag #welovepetalingjaya dan #welovecities.

"Sebelum ini, Petaling Jaya pernah memenangi National Earth Hour Capital For Malaysia pada tahun lalu," katanya.

Untuk undian dan maklumat lanjut, orang ramai boleh boleh layari laman web [www.welovecities.org/petaling-jaya/](http://www.welovecities.org/petaling-jaya/).

## MDKL sita peralatan niaga tepi jalan

**SHAH ALAM** - Sebanyak 10 unit peralatan pameran dan jualan di bawah khemah disita dalam satu operasi Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) di Jalan Sultan Alam Shah di sini.

Pegawai Komunikasi Korporatnya, Nurfadhilah Jalaludin, berkata MDKL memandang serius terhadap pemilik premis perniagaan melakukan kesalahan mendirikan bangunan semestara atau khemah untuk tujuan promosi jualan tanpa kebenaran.

Katanya, kesalahan dilakukan di bawah Akta 133, Akta Jalan Parit dan Bangunan, 1974 Seksyen 70.

"Pihak tidak bertanggungjawab ini seolah mencabar MDKL apabila mengingkar arahan walaupun notis pemberitahuan serta arahan membuka khemah sudah disampaikan."

"Sebelum ini, pemilik premis diberikan Notis Kesalahan yang



boleh dikenakan kompaun dan perlu diselesaikan dalam tempoh tujuh hari," katanya.

Katanya, MDKL berharap pemilik premis perniagaan menitik beratkan kepentingan awam kerana ia menimbulkan kacau

ganggu dan kesesakan lalu lintas di persimpangan jalan utama.

"Namun, jika terdapat sebarang permasalahan, MDKL sentiasa memberi peluang kepada masyarakat dan pemilik perniagaan untuk berbincang," katanya.

## Garis panduan konsep 'Food Truck' diperkemas

**SUBANG JAYA** - Aktiviti jualan berkonseptan 'Food Truck' dibenarkan beroperasi di beberapa kawasan sekitar Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ).

Yang Dipertua, Datuk Norhisham Ahmad Dahlan, berkata MPSJ sedang menunggu garis panduan dari Kerajaan Negeri sebelum aktiviti itu dapat dilaksanakan.

"Kita sudah mengenal pasti beberapa kawasan sesuai, namun kita masih menunggu garis panduan dari Kerajaan Negeri yang membolehkan peniaga dapat

berniaga mengikut konsep itu.

"Kita memang ada memberi permit penjaja bergerak, namun kita mahu mereka ini disekilikan di satu tempat yang lebih baik dan kebersihan juga dapat dijaga," katanya kepada pemberita.

Beliau berkata, pelaksanaan itu akan terhad kepada 10 peniaga penguasaan makanan dan minuman halal.

"Setakat ini, tiga kawasan menjalankan aktiviti perniagaan bergerak antaranya di Jalan Kenari, USJ 1 dan SS 15," katanya.

Peniaga asing jalan perniagaan

# Wajib miliki lesen sah

OLEH NORHAYATI UMOR

**KLANG** - Majlis Perbandaran Klang (MPK) mensyaratkan majikan yang menggajikan warga asing sebagai pembantu kedai perlu mempunyai permit sama dengan bidang pekerjaan terbabit.

Yang Dipertua, Dato' Mohamad Yasid Bidin, berkata jika majikan ingkar, pihak Majlis akan membatalkan lesen perniagaan diberikan.

"Jawatankuasa akan menilai perkara ini, majikan akan diberikan nasihat, kompaun dan batal lesen jika berterusan ingkar," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat bulanan MPK, di sini.

Pada masa sama, Yasid mengingatkan peniaga asing di premis Jalan Kepayang untuk memohon lesen secara sah mengikut saluran betul jika mahu meneruskan perniagaan di kawasan terbabit.

Katanya, sebanyak 144 peniaga premis dicatatkan di kawasan terbabit dengan 43 daripadanya adalah warga asing yang tidak mempunyai lesen perniagaan.

"Mereka ini sudah bermula lebih 10

**Jawatankuasa akan menilai perkara ini, majikan akan diberikan nasihat, kompaun dan batal lesen jika berterusan ingkar**

**DATO' MOHAMAD YASID BIDIN**

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Klang

tahun. Sebelum ini, MPK tidak dapat mengesahkan mereka sebagai peniaga kerana warga asing ini kononnya dikatakan pekerja dalam sesuatu premis sedangkan mereka menyewa di kios.

"Ini salah satu cara MPK membasi warga asing yang memonopoli perniagaan kerana kita tidak menggalakkan mereka bermula.

"Namun, untuk warga asing mendapatkan lesen perniagaan itu sebenarnya sangat susah kerana syarat ketat," katanya.

## PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR KENYATAAN TENDER

Tawaran adalah dipelawa daripada penyebut harga-penyebut harga yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan UPEN serta berpengalaman dalam perkhidmatan dan bekalan berkaitan seperti berikut :-

No. Sebut harga	Butir-Butir Kenyataan Tawaran Sebutharga	Kelayakan Penyebutharga	Harga
SH/PTGS/07/2016	<b>SEBUTHARGAPENYEWAAN 14 UNIT MESIN PENYALIN (FOTOSTAT) BARU BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN UNTUK PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR</b>	Berdaftar dan membawa sijil asal Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang  <b>020201</b>  <b>DAN</b>  Berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN)	<b>RM50.00</b>

2. Dokumen tawaran ini hanya akan dikeluarkan kepada penyebut harga / wakil yang sah sahaja. Dokumen tawaran boleh diperolehi di bahagian seperti yang tertera dibawah mulai **03 MEI 2016 (SELASA)** hingga **10 MEI 2016 (SELASA)**:

Bahagian Khidmat Pengurusan  
Tingkat 4, Pejabat Tanah Dan Galian Selangor  
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah  
40576 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

3. Penyebut harga dikehendaki membawa bersama sijil asal dan salinan Akuan Pendaftaran Kontraktor dan Akuan Pendaftaran Kontraktor Bumiputera daripada Kementerian Kewangan Malaysia, surat pendaftaran UPEN dan Wang Pos/Kiriman Wang atas nama "BENDAHARI NEGERI SELANGOR" berjumlah RM50.00 semasa pembelian dokumen sebut harga

4. Dokumen sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dimasukkan ke dalam peti sebut harga di alamat :-

Pejabat Tanah Dan Galian Selangor  
Tingkat 4 , Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah  
Selangor Darul Ehsan  
40576 Shah Alam

Tarikh tutup : **10 MEI 2016 (SELASA) jam 12.00 tengahari.**

5. Pejabat Tanah dan Galian Selangor tidak semestinya menerima tawaran yang terendah.

Tarikh : **03 Mei 2016**

Pengarah  
Pejabat Tanah Dan Galian Selangor

## Perumahan dan Pelaburan Harta Tanah di Lembah Klang

# PAMERAN HARTA TANAH BUMIPUTERA 2016

- ◆ **6-8 MEI 2016**
- ◆ **11.00 PG. - 9.00 MLM.**
- ◆ **MID VALLEY EXHIBITION CENTRE (MVEC)**

Cara Mudah Beli Rumah Untuk Kuota Bumiputera!

\* Rebat dan diskain menarik menanti anda  
\* Wang deposit yang rendah  
\* Percuma yuran guaman  
\* Percuma penyaman udara

Diskain hingga  
**10%**  
untuk Bumiputera

DIANJURKAN OLEH  
**IMMC Sdn Bhd**  
Perunding Acara, Pameran,  
Latihan, Seminar dan Pemasaran

PEMAJU BERWIBAWA  
**PKNS**  
TROPICANA SERRA  
PROPERTY

**PNBD**  
PNB Development Sdn Berhad  
(111964-U)

**UEM SUNRISE**  
A member of UEM Group  
(111964-U)

\* Ditawarkan oleh pemaju perumahan yang terpilih sahaja

[www.bpex.com.my](http://www.bpex.com.my) Bumiputera Property Exhibition

Untuk maklumat lanjut,  
sila hubungi: **03 4142 1151**

Peranan semua pihak diperlukan

# Lahir pelajar cemerlang, pacu sistem pendidikan

OLEH ERMIZI MUHAMAD

**SHAH ALAM** - Usaha melahirkan pelajar berdaya saing mengikut keperluan dan perkembangan abad ke-21 perlu digalas setiap anggota masyarakat.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata ibu bapa memainkan peranan besar dalam membantu Kerajaan Negeri mencorak perkembangan

pendidikan tanpa perlu bergantung kepada pengurusan sekolah sahaja.

"Selama ini kita beranggapan penglibatan ibu bapa dengan pembelajaran anak mereka di sekolah berlaku secara semula jadi."

"Namun, dengan perubahan zaman dan cabaran semasa, usaha secara bersepdu dan bersungguh melalui satu kaedah

perlu dilakukan bersama supaya dapat menyumbang kepada kejayaan anak.

"Justeru, ibu bapa perlu menitikberatkan soal pembelajaran secara berterusan bukan sahaja di sekolah tetapi di rumah," katanya.

Beliau berkata demikian menerusi kenyataan sempena Majlis Penganugerahan Pelajar Cemerlang UPSR (2015) pada 30 April lalu.

Mohamed Azmin berkata, Kerajaan Negeri yakin dapat melahirkan pelajar kompeten dan cemerlang di peringkat nasional menerusi pelbagai dasar dan bantuan pendidikan diwujudkan Kerajaan Negeri.

Bagaimanapun katanya, tumpuan terbabit perlulah didukung menerusi usahama dan tanggungjawab ibu bapa memastikan anak mereka mendapat pendidi-

kan sewajarnya.

"Ibu bapa perlu menitikberatkan soal pembelajaran secara berterusan bukan sahaja di sekolah tetapi juga di rumah.

"Sebagai ibu bapa, lakukanlah refleksi kendiri atau bermunasabah, apakah memadai dan sudah cukup setakat menyerahkan tanggungjawab kepada para guru dan pihak sekolah semata-mata?" katanya.



## 731 pelajar SJKT terima anugerah

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri meneruskan tradisinya sejak 2008 meraikan murid cemerlang dari Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) dalam peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR).

Exco Pekerja Ladang, Kemiskinan, Kerajaan Prihatin, V Ganabatirau, berkata penghargaan itu diberikan kepada 731 pelajar SJKT seluruh negeri dengan keputusan cemerlang 7A, 6A dan 5A.

"Kita memberikan sijil penghargaan dan wang sagu hati sebagai motivasi kepada murid untuk maju dalam pembelajaran mereka selepas ini," katanya kepada SelangorKini.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Penyampaian Anugerah Kecemerlangan UPSR (SJKT) di Dewan Jubli Perak Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, SUK pada 30 April lalu.

Pelajar mendapat keputusan cemerlang 7A menerima wang sagu hati berjumlah RM200 setiap seorang.

Manakala bagi keputusan 6A, menerima wang tunai RM150 dan RM100 bagi keputusan 5A.

Dalam pada itu, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Simpang Lima diumumkan sebagai SJKT terbaik, membawa pulang wang tunai berjumlah RM10,000.

## 97 SJKT terima RM4 juta



**SHAH ALAM** - Sebanyak 97 Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) di seluruh negeri menerima manfaat jangka panjang menerusi peruntukan RM4 juta dikeluaran Kerajaan Negeri.

Exco Pekerja Ladang, Kemiskinan, Kerajaan Prihatin, V Ganabatirau, berkata daripada jumlah itu, pihaknya memberi tumpuan terhadap pembangunan dan kebajikan SJKT luar bandar.

"Sejak 2008 lagi, Kerajaan Negeri mengeluarkan peruntukan RM4 juta untuk pembangunan SJKT. Tetapi setakat ini kita tidak ada spesifik tertentu SJKT mana yang terima peruntukan lebih atau kurang.

"Apa yang kami lakukan, kita turun padang dan membuat penilaian berdasarkan laporan dibuat pejabat saya dan pejabat Exco Pendidikan terlebih dahulu.

"Selepas itu, baru pihak kami meneliti laporan terbabit untuk memberikan per-

untukan kepada SJKT di seluruh negeri mengikut keperluan dan keutamaan," katanya kepada SelangorKini.

Pada masa sama, katanya, Kerajaan Negeri di bawah pentadbiran Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali komited memastikan kebajikan masyarakat India terus diberi.

Beliau merujuk pelaksanaan Tabung Anak Pekerja Ladang untuk memberi bantuan pendidikan kepada anak pekerja ladang melalui peruntukan RM2 juta.

"Kerajaan Negeri memberikan sumbangan sehingga RM5,000 kepada anak pekerja ladang cemerlang melanjutkan pelajaran di peringkat Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA/IPTS).

"Sumbangan ini tidak dilaksanakan di negeri lain dan hanya dibuat di Selangor, maka sekali gus membuktikan keprihatinan Kerajaan Negeri membantu masyarakat India," katanya.

## MAKLUMAN!!!!

Pada ibubapa ahli TAWAS yang telah mengambil Sijil Simpanan Tetap TAWAS-AmBank (SST TAWAS-AmBank) disarankan untuk membuat penutupan akaun bagi melayakkan ahli mendapat khairat kematian TAWAS

Ini kerana, bermula 1hb Mac 2014 YAWAS telah menggantikan (SST TAWAS-AmBank) bernilai RM 100.00 kepada Penyata Simpanan TAWAS bernilai RM 1,500.00

\*\*Sila layari [www.tawas.org.my](http://www.tawas.org.my) untuk membuat semakan cawangan AmBank bagi penutupan akaun



## 'Study Smart' rahsia raih 7A UPSR

**SHAH ALAM** - Menerima penghargaan antara pelajar cemerlang Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT), Herrvind Raaj Rajesparan menganggap kejayaan itu sebagai permulaan baginya.

Pelajar SJKT Glenmarie dengan keputusan 7A itu berkata, tumpuan pembelajaran di sekolah dan sokongan ibu bapa mendorong kepada kejayaan itu.

"Tidak perlu belajar sehingga lapan

jam sehari. Saya pun belajar waktu malam selepas balik sekolah atau kelas tuisyen selepas waktu sekolah.


"Apa yang penting, kita beri tumpuan sewaktu guru mengajar," katanya.

Herrvind menerima Sijil Penghargaan, wang sagu hati berjumlah RM200 dan cenderahati.

Diharap kejayaan itu menjadi sumbang saran kepada pelajar lain untuk meraih keputusan cemerlang dalam peperiksaan akan datang.



Herrvind Raaj



Intisari Khutbah Jumaat: 29 April 2016

# Awas! Jangan anda terjebak



**S**esungguhnya ciri-ciri taqwa yang perlu ada dalam diri setiap orang Islam ialah tunduk, patuh dan takut dengan larangan Allah dan berhati-hati dari tergelincir ke lembah kekuaran dan kefasikan demi menjamin kesejahteraan dan kebahagian hidup di dunia dan akhirat.

Ibu ajaran sesat sering mendapat perhatian masyarakat hari ini. Ia sering didedahkan di dada-dada akbar dan menjadi viral di media maya sosial.

Walaupun gerakan penguatkuasaan giat dijalankan, ia masih mendapat tempat, mempunyai pengikut dan mengancam akidah umat Islam.

Hal ini berlaku kerana sejarah ajaran sesat itu sendiri telah mula tumbuh di zaman Rasulullah SAW. Musailamatul Ka'zzab telah mengaku sebagai nabi hingga Saidina Abu Bakar memerintahkan supaya beliau diperangi habis-habisan.

Di Malaysia ajaran sesat dikatakan mula bertapak di Kampung Seronok, Pulau Pinang dengan nama ajaran Taslim yang diketuai Hj Ahmad Matahari.

Manakala di Selangor pula ajaran Qadiani yang merupakan ajaran sesat zaman kolonial dan dikatakan mula bertapak di Jeram, Kuala Selangor sejak zaman British lagi.

Menurut JAKIM, definisi ajaran sesat adalah sebarang ajaran, fahaman atau amalan orang Islam atau bukan Islam yang mendakwa bahawa ajaran, fahaman atau amalan tersebut adalah ajaran Islam walaupun hakikatnya ia bertentangan al-Quran dan as-Sunnah dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Ia tidak sesat pada luarannya dan sukar dikesan tetapi penyelewengan itu diketahui apabila kita sudah masuk dalam kumpulan terbabit.

Sudah sebatи dengan ajaran dan terikat dengan bai'ah yang membawa mudarat apabila meninggalkannya sebagaimana diterangkan guru ajaran berkenaan.

Perlu diketahui bahawa ajaran sesat boleh dikesan dalam beberapa ciri antaranya;

## 1. Bentuk ajaran

Seseorang guru itu membawa atau mencipta ajaran baru bertentangan dengan akidah, syariah dan akhlak. Contohnya mengerjakan haji tidak perlu ke

Mekah dan mengerjakan solat fardhu dengan niat sahaja.

2. Berselindung atas nama Tariqat Pengasas atau guru biasanya menggunakan nama tariqat yang masyhur tetapi amalan mereka bertentangan dengan ajaran tariqat yang sebenarnya.

## 3. Bentuk dan kepercayaan

Ia berkenaan fahaman atau amalan mistik dan ilmu sihir sebahagiannya berakar umbi sejak dahulu kala seperti pemujaan tempat atau kubur keramat wali kononnya mempunyai kelebihan.

Ia juga berbentuk kepercayaan kepada kuasa sakti seperti dalam amalan seni persilatan melayu dan ilmu mempertahankan diri. Mempercayai bomoh yang mendapat ilmu melalui mimpi atau jin dengan amalan menurun dan pembedahan batin.

Marilah kita hindari diri dari terjebak dengan ajaran sesat yang membawa kesan cukup besar dalam kehidupan sebagai Muslim iaitu:

1. Terkeluar daripada Islam
2. Putus hubungan dengan ahli keluarga dan masyarakat
3. Berlaku zalim dan menganiaya orang lain
4. Mengancam keselamatan negara

Pernah berlaku pada 16 Oktober 1980, muncul satu kumpulan ajaran sesat mengaku ketua mereka sebagai Imam Mahdi dan sudah menyerang Balai Polis Batu Pahat. Ketuanya terbunuh dalam serangan terbabit, manakala beberapa pengikutnya dan anggota polis bertugas mengalami kecederaan akibat tragedi itu.

Terkini, ajaran Milah Abraham difatwakan sesat pada tahun 2015 lalu, membina struktur pemerintahan sendiri seperti sebuah kerajaan mempunyai seorang menteri besar dan juga gabenor wilayah.

Ini sudah tentu satu komplot bagi menggulingkan kerajaan sedia ada yang boleh mengancam keselamatan negara dan mengganggu gugat keharmonian dan kesejahteraan yang sedang kita nikmati.

Sebelum ajaran sesat ini menjadi barah yang sukar untuk dibanteras, marilah bersama mengambil sikap lebih prihatin mengelak dari terjebak dengan 37 kumpulan ajaran telah difatwakan sesat di negeri ini.

22 kumpulan masih bergerak aktif dan 6 kumpulan adalah yang paling aktif iaitu Syiah, Qadiani, Milah Abraham, Hizbut Tahrir, Liberalisme, dan Islamic State, maka usaha penggembangan tenaga

secara jamaie diperlukan seluruh umat Islam di Selangor dalam memastikan akidah umat Islam terus terpelihara berdasarkan panduan al-Quran dan as-Sunnah.

Umat Islam hendaklah sentiasa berpegang teguh kepada empat sumber hukum iaitu al-Quran, as-Sunnah, Ijmak dan Qias dalam menjalani kehidupan di dunia ini dan bersama-sama berperanan dalam usaha membanteras ajaran sesat sebelum ianya menjadi barah.

"Dan sesiapa yang mencari agama selain agama Islam, maka Allah sekali-kali tidak akan dapat menerima daripadanya, dan ia pada hari akhirat kelak tergolong dalam kalangan orang-orang yang rugi". (Surah al-Imran : ayat 85).

WAKTU SOLAT SELANGOR 6 - 13 MEI 2016 28 REJAB - 6 SYABAN 1437H							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
06 Jumaat	5.33	5:43	7.02	1:13	4:32	7:20	8:32
07 Sabtu	5.33	5:43	7.02	1:13	4:33	7:20	8:32
08 Ahad	5.32	5:42	7.02	1:13	4:33	7:20	8:32
09 Isnin	5.32	5:42	7.01	1:12	4:33	7:20	8:32
10 Selasa	5.32	5:42	7.01	1:12	4:33	7:20	8:32
11 Rabu	5.32	5:42	7.01	1:12	4:33	7:20	8:33
12 Khamis	5.31	5:41	7.01	1:12	4:34	7:20	8:33
13 Jumaat	5.31	5:41	7.01	1:12	4:34	7:20	8:33
Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
06 Jumaat	5.35	5:45	7:05	1:15	4:34	7:22	8:34
07 Sabtu	5.35	5:45	7:04	1:15	4:34	7:22	8:34
08 Ahad	5.34	5:44	7:04	1:15	4:35	7:22	8:34
09 Isnin	5.34	5:44	7:04	1:14	4:35	7:22	8:34
10 Selasa	5.34	5:44	7:04	1:14	4:35	7:22	8:34
11 Rabu	5.34	5:44	7:04	1:14	4:35	7:22	8:35
12 Khamis	5.33	5:43	7:04	1:14	4:36	7:22	8:35
13 Jumaat	5.33	5:43	7:04	1:14	4:36	7:22	8:35

## PENGAJIAN BERSIJIL KITAB MASTIKA HADITH

OLEH : SAHIBUS SAMAHAH TUAN DR. ANHAR BIN OPIR (TIMBALAN MUFTI SELANGOR)

HARI : SETIAP KHAMIS MINGGU PERTAMA

MASA : 12.45 PM - 1.30 PM

TEMPAT : SURAU BANGUNAN SUK, SHAH ALAM

"SMART SELANGOR, MAJU SEJAHTERA"

07 APRIL 2016 | 05 MEI 2016 | 02 JUN 2016 | 04 OGOS 2016  
 01 SEPT 2016 | 06 OKT 2016 | 03 NOV 2016 | 01 DIS 2016

YB DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI

ANJURAN : PENGERUSI JAWATANKUASA TETAP HAL EHWAH AGAMA ISLAM | DENGAN KERJASAMA : KELAB SURAU SUK, SHAH ALAM

SETIAP KEHADIRAN AKAN DIREKOD UNTUK TUJUAN PEMBERIAN SIJIL

## Mangsa kebakaran terima RM30,000 bantuan KSSB

**KUALA SELANGOR** - Selepas tiga minggu berdepan insiden menyayat hati, mangsa rumah terbakar, Zuriyana Marjunit, menerima sumbangan tertinggi berjumlah RM30,000 daripada Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB).

Zuriyana, 38, berkata sumbangan berbentuk wang tunai itu akan digunakan untuk membina kediaman baru di atas tapak rumah lama sebelum ini.

Beliau kini menyewa rumah lain selepas kehilangan kediaman yang musnah itu, pada 7 April lalu.

"Terima kasih kepada KSSB dan Kerajaan Negeri yang tidak putus membantu saya hingga ke hari ini."

"Segala bantuan akan saya gunakan sebaiknya untuk meringankan beban terutama daripada segi tempat tinggal," katanya kepada SelangorKini.



Sumbangan daripada anak syarikat Pemerbadanan Menteri Besar (MBI) itu disampaikan Ketua Jabatan Kualiti, Keselamatan, Kesihatan dan Persekutaran KSSB, Mohamad Fadzil Yahya.

Sebelum ini, Zuriyana turut menerima bantuan kilat berjum-

lah RM1,500 ketika kunjungan Exco Kebajikan, Dr Daroyah Alwi, sehari selepas kejadian yang meragut nyawa dua anaknya.

Zuriyana berkata, bomba mengesahkan kebakaran berpunca daripada kotak suis utama yang tidak menepati spesifikasi keselamatan ditetapkan.

"Ia menjadi pengajaran penting buat kami dan saya akan pastikan pembinaan rumah baru nanti mengikut garis panduan seperti disyorkan pihak berkuasa," katanya.

## Bantu rakyat memerlukan KSSB azam pergiat CSR

OLEH LIZAWATI MADFA

**KUALA SELANGOR** - Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) berazam untuk terus mempergiat program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) bagi tahun ini.

Ketua Jabatan, Kualiti, Keselamatan, Kesihatan dan Persekutaran KSSB, Muhamad Fadzil Yahya, berkata kejadian bencana adalah antara keutamaan dalam usaha membantu meringankan beban pihak memerlukan.

Katanya, tumpuan juga diberikan kepada rakyat Selangor memandangkan hasil KSSB juga berpunca daripada perut bumi negeri ini.

"Kami memang tidak dapat mendapatkan apa yang hilang atau mengembalikan yang sudah pergi.

"Tetapi kami berhasrat meringankan beban mangsa seterusnya membolehkan mereka mampu menjalani kehidupan dengan

baik," katanya kepada Selangor Kini.

Terdahulu, beliau menyampaikan sumbangan cek bernilai RM30,000 kepada mangsa kebakaran rumah, Zuriyana Marjunit di Kampung Batu 4, Ijok, pada 27 April lalu.

Sumbangan turut disampaikan kepada 10 mangsa bencana puting beliung yang berlaku pada Februari lalu.

Mereka adalah sebahagian daripada 30 mangsa yang menerima sumbangan keseluruhan berjumlah RM42,500.

Baru-baru ini, KSSB turut menyumbang RM30,000 kepada pelumba Orang Asal, Abdul Affendi Hadi yang menyertai Malaysia Cub Prix.

SelangorKini sebelum ini melaporkan pelumba OA Racing Team itu sukar mendapat penajaan walaupun sentiasa menampilkan aksi terbaik dalam kebanyakan pusingan.

## Ibu jual pulut kuning sara anak jantung berlubang

**KAJANG** - Seorang ibu muda cekal mencari rezeki buat keluarga tanpa bergantung harap kepada bantuan luar semata-mata wajar dicontohi.

Intan Fatihah Muda, 26, berusaha menambah pendapatan dengan menjual pulut kuning rendang ayam di hadapan Maybank Taman Jasmin ekoran anak sulungnya berusia enam tahun menghidap sakit jantung berlubang manakala suaminya tidak boleh bekerja berat ekoran kemalangan dialami tahun lalu.

Lembaga Zakat Selangor (LZS) dalam paparan di Facebook berkata, pihaknya sudah menghulurkan bantuan zakat kepada keluarga ini di bawah asnaf fakir sejak tahun lalu termasuk bantuan kewangan bulanan, makanan



bulanan dan sewa rumah.

"Semoga ibu muda ini terus tabah menghadapi cabaran dalam kehidupannya. Terima kasih pembayar zakat," katanya.

Pada masa sama, LZS turut menyalurkan bantuan perubatan bulanan sebanyak RM475.20 bagi membantu Intan menampung kos rawatan kesihatan anaknya.

## LZS pantas bantu mangsa kebakaran

**SHAH ALAM** - Prihatin kepada keluarga di Parit 10 Barat, Sungai Besar yang kehilangan tempat berteduh kerana terbakar, Lembaga Zakat Selangor (LZS) tampil menghulurkan bantuan zakat kecemasan RM500.

LZS tiba ke lokasi kebakaran sehari selepas kejadian hitam itu turut berjanji bantuan selanjutnya akan disampaikan setelah



PERKARA	TENDER NO. T06/2016	TENDER NO. T07/2016
	PELAWAAN TENDER TERBUKA BAGI PERLOMBONGAN TANAH LIAT DI ATAS TANAH PN 2313, LOT 2501, MUKIM ULU TINGGI, DAERAH KUALA SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN	PELAWAAN TENDER TERBUKA BAGI PERLOMBONGAN PASIR DI ATAS SEBAHAGIAN TANAH KERAJAAN, BUKIT JENUK, MUKIM DENGKIL, DAERAH SEPANG, SELANGOR DARUL EHSAN
Tarikh Lawatan Tapak	11hb Mei 2016 (Rabu)	10hb Mei 2016 (Selasa)
Waktu Berkumpul / Pendaftaran	10.30 pagi	10.30 pagi
Tempat Berkumpul	Pejabat Operasi KSSB Cawangan Utara (Di hadapan Kampus UNISEL Bestari Jaya) Jalan Timur Tambahan, 45600, Bestari Jaya Selangor Darul Ehsan	R n R di hadapan Kelab Golf Bukit Ungul, Dengkil, Selangor Darul Ehsan
Masa dan Tarikh Penjualan Dokumen Tender	12hb(Khamis),13hb(Jumaat) dan 16hb( Isnin) Mei 2016 9.30 pagi hingga 12.30 tengah hari 2.30 petang hingga 5.00 petang	
Masa dan Tarikh Penyerahan Dokumen Tender	23hb Mei 2016 ( Isnin) 9.00 pagi hingga 4.00 petang Penyertaan lewat dan tidak lengkap akan ditolak	
Tempat Penjualan dan Penyerahan Dokumen Tender	Ibu Pejabat Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. Tingkat 5, Bangunan Darul Ehsan No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam Selangor Darul Ehsan	

Catatan:

1. Syarat-syarat kelayakan:  
Mempunyai alamat berdaftar atau alamat perniagaan di Selangor.
2. Harga Dokumen Tender: RM106.00 senaskah (termasuk GST).
3. Lawatan tapak adalah wajib bagi melayakkan pemohon-pemohon menyertai tender berkenaan. **Pemohon-pemohon yang tidak menyertai dan mendaftarkan diri semasa lawatan tapak tidak layak untuk menyertai tender tersebut. Penyertaan lawatan tapak, pembelian dan penyerahan dokumen tender hendaklah dilakukan di atas nama syarikat yang sama.**
4. KSSB berhak untuk menerima atau menolak mana-mana permohonan, atau membatalkan tender tanpa perlu membayar balik apa-apa perbelanjaan atau kerugian yang ditanggung oleh mana-mana pemohon. Semua keputusan oleh KSSB adalah mutlak.
5. KSSB tidak pernah melantik atau memberi kuasa kepada mana-mana pihak ketiga untuk menjalankan sebarang transaksi bekenaan tender ini bagi pihak KSSB dan KSSB tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa maklumat yang diberikan oleh pihak ketiga dan tidak akan menanggung apa-pula liabiliti berkenaan sebarang kesimpulan, kerugian atau kerosakan dalam apa jua bentuk yang telah ditanggung atau mungkin ditanggung oleh orang ramai yang berpunca daripada mereka bergantung atau menggunakan maklumat yang diberikan oleh pihak ketiga. Pihak awam dinasihatkan agar menghubungi KSSB bagi sebarang pengesahan dan/atau maklumat lanjut.
6. Maklumat lanjut tender boleh diperolehi di laman sesawang rasmi kami [www.semesta.com.my](http://www.semesta.com.my)

Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (822993-H)

Tingkat 5, Bangunan Darul Ehsan, No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-5518 7735 Faks: 03-5518 7736 Url: [www.semesta.com.my](http://www.semesta.com.my)

Pegawai Bertugas Untuk Lawatan Tapak:

En. Mohd Hisham Mohd Ghais 019-659 2166 En. Jafrikhairi Idris 017-615 6140

En. Abdul Hamid Hassan 019-332 2037

Cub Prix AAM Malaysia PETRONAS

# Kasma tawan pusingan 3 Kangar

**KANGAR** - Pelumba 16 tahun, Kasma Daniel Kasmayudin meraih kemenangan kedua musim ini setelah menamatkan 18 pusingan perlumbaan kategori CP130 dengan masa keseluruhan 12'57.333s pada pusingan ketiga Kejuaraan Cub Prix AAM Malaysia PETRONAS yang berakhir di Kangar, Perlis, pada 1 Mei lalu.

Bermula dari petak pertama, pelumba PETRONAS Yamaha Maju Motor itu bermula dengan baik, namun ketinggalan kepada Md Adib Rosley (Motul Zeneos Yamaha YY Pang) yang mendahului kedudukan sehingga ke pusingan kelima.

Namun Kasma yang mengekori di belakang berjaya memanfaatkan kepentasan jentera memintas dan seterusnya mendahului kedudukan sehingga ke garisan penamat.

Adib menamatkan perlumbaan di kedudukan kedua dengan masa 12'58.889s manakala Hafiz Nor Azman (Harian Metro Y-TEQ SCK Honda Racing) berpuas hati di kedudukan ketiga dengan masa 12'59.201s.

"Permulaan saya tidak begitu baik. Saya terlepas kedudu-



kan pendahulu kepada Adib namun menggunakan peluang mengekori di belakang untuk melihat keupayaan jentera Adib.

"Saya sedar jentera Yamaha saya mempunyai kelebihan dan mencari ruang untuk memintas seterusnya memenangi perlumbaan. Saya berterima kasih kepada seluruh pasukan PETRONAS Yamaha Maju Motor kerana menyediakan jentera terbaik," kata Kasma.

Sementara itu, rakan sepasukan Kasma, Ahmad Fazli Sham yang menamatkan perlumbaan di tempat keempat mengekalkan kedudukan sebagai pendahulu keseluruhan dengan 58 mata manakala Kasma naik ke tangga kedua dengan 50 mata diikuti Norizman Ismail (Harian Metro Y-TEQ SCK Honda Racing) ketiga dengan 39 mata.

Dominasi Kasma dan Fazli



sepanjang tiga pusingan ini juga meletakkan pasukan mereka selesa di tangga teratas berpasukan dengan 118 mata, 40 mata mengatasi Motul Zeneos Yamaha YY Pang.

Pusingan 4 Kejuaraan Cub Prix AAM Malaysia PETRONAS 2016 akan berlangsung di Pasir Mas, Kelantan pada 21 dan 22 Mei ini.



## Empat pelumba wanita uji kemampuan

**SHAH ALAM** - Penglibatan pelumba wanita dalam sukan permotoran bukan perkara baru, sebaliknya sukan dimonopoli lelaki itu semakin mendapat sambutan dari golongan wanita.

Saingan Kejuaraan Cub Prix AAM Malaysia PETRONAS 2016 menyaksikan pertambahan kepada empat pelumba wanita mengambil bahagian berbanding hanya dua pelumba pada musim lepas.

Mereka adalah Siti Norafizah Mohamad, Siti Fatimah Husna Muslim, Nasha Edziera Bahauddin dan Nuraina Halisyah Hamirudin, keempat-empat beraksi dalam kelas perlumbaan terbuka.

Antara nama sering mencuri tumpuan adalah Siti Norafizah atau lebih dikenali sebagai Fifie.

Mula beraksi dalam kejuaraan

Cub Prix pada tahun 2011, beliau berjaya memecah dominasi lelaki sejak mula berkecimpung dalam kategori Wira dan beralih ke kelas Pro-AM sementara Nasha juga antara nama sinonim dengan perlumbaan Cub Prix.

Mula berlumba sejak penghujung 2009, Nasha memulakan aksinya di dalam kelas Wira dan kini beraksi di dalam kategori Pro-Am dan turut berjaya meraih dua podium dalam kategori terbabit pada musim lepas.

Dua lagi pelumba, Siti Fatimah dan Nuraina mula beraksi pada tahun ini apabila Siti Fatimah membawa cabaran pasukan PETRONAS Yamaha-CKJ di dalam kategori CP115 dan Nuraina adalah pelumba bersendirian di dalam kategori Wira.

## Nazirul Izzat timba pengalaman senior

**SHAH ALAM** - Hasil tunjuk ajar pelumba senior, rookie CP130, Nazirul Izzat Mohd Bahauddin berharap dapat meraih keputusan lebih baik menjelang perlumbaan pusingan ketiga Kejuaraan Cub Prix AAM Malaysia PETRONAS di Kangar, Perlis, minggu ini.

Pelumba Harian Metro Y-TEQ SCK Racing itu percaya prestasinya mampu berkembang dengan baik hasil didikan pengurus, Soong Chee Kieong dan rakan sepasukan, Norizman Ismail, Elly Idzlianizar Ilias dan Hafiz Nor Azman.

"Ini musim pertama saya bersama pasukan ini dan juga musim pertama dalam kelas paling mencabar, CP130. Jadi banyak perlu dipelajari.

"Berada dalam satu pasukan yang mana pelumbanya mempunyai karakter berbeza-beza banyak memberi kelebihan kepada saya untuk belajar menjadi pelumba lebih baik," kata pelumba berusia 16 tahun itu.

Berita lanjut berkenaan aksi kelas CP130, Nazirul Izzat yang juga adik

kepada pelumba wanita, Nasha Edziera Mohd Bahauddin menjelaskan dia sendiri pada mulanya tidak menyangka mewakili pasukan memenangi pelbagai gelaran dalam siri Kejuaraan Cub Prix Malaysia ini.



## Fenomena Superkip tarik minat pelumba muda

**SHAH ALAM** - Kejayaan Khairul Idham Pawi menyaksikan pasukan profesional menerima permo-honan daripada ibu bapa untuk meletakkan anak mereka beraksi dalam kelas Wira di Kejuaraan Cub Prix AAM Malaysia PETRONAS 2016 yang memasuki pusingan ketiga di Kangar, Perlis, minggu ini.

Bagi pasukan Hyperlube PJM Racing Team, perlumbaan minggu ini menyaksikan mereka turut menyenaraikan pelumba muda berusia 14 tahun, Muhammad Izam Ikmal Izamli sebagai pelumba baharu pasukan.

Pemiliknya, Mohd Salleh Md Isa melihat Izam Ikmal yang menandatangani kontrak pelumba Asia Talent Cup sebagai seorang pelumba berbakat dan jika mendapat bimbingan betul, tidak mustahil mampu pergi lebih jauh.

"Ini adalah perlumbaan pertamanya menggunakan jentera *underbone* di kejuaraan ini berbanding jentera 'full frame' yang digunakan dalam perlumbaan lain."

"Kami di Hyperlube PJM Racing akan cuba untuk mengasah bakat dan melatih Izam," jelasnya.

Beliau berkata untuk pergi le-

bih jauh, Izam perlu dibimbing individu yang betul dan berpengalaman kerana sukan permotoran bukan seperti sukan bola sepak, golf, badminton ataupun renang.

Katanya, semua ibu bapa mahu kejayaan anak mereka, namun mungkin dalam sukan permotoran, ada beberapa perkara seperti isu teknik berada di luar kemahiran ibu bapa.

"Kami berharap keluarganya sedia memberi sepenuh kepercayaan untuk kami melatih, memberi tunjuk ajar dan pendedahan untuk memantapkan lagi kemahiran Izam Ikmal," katanya.



## Piala Sultan Selangor: Zainal beraksi dua watak utama

**SHAH ALAM** - Zainal Abidin Hassan bakal memainkan dua watak penting buat Selangor ketika turun menghadapi cabaran seterusnya tradisi, Singapura pada Piala Sultan Selangor edisi ke-15 di Stadium Shah Alam, 7 Mei ini.

Pertamanya, Zainal, 55, turun mewakili skuad Veteran Selangor bagi aksi menentang Veteran Singapura pada pembuka tirai dengan misi merampas semula piala penuh tradisi itu selepas sekadar terikat



1-1 pada edisi terakhir berlangsung dua tahun lalu.

Katanya, sebagai bekas pemain The Red Giants, dirinya terasa begitu dekat dengan Piala

Sultan Selangor dengan pertembungan itu turut meletakkan maruah Selangor yang berkongsi sejarah bola sepak panjang dengan pasukan seberang tambak itu.

"Semua pemain Selangor tidak mengira pemain veteran ataupun anak buah saya begitu menanti-nantikan kejohanan ini kerana ia adalah satu-satunya kejohanan membabitkan perlawanan antara dua pasukan bermusuh dari segi se-

jarah bola sepak.

"Tambahkan pula beraksi dilaman sendiri, kami akan cuba untuk merampas kembali Piala Sultan Selangor dan kemeriahinan puluhan ribu penyokong Selangor di stadium keramat itu bakal menjadi pembakar semangat kami dalam merealisasikan impian ini," katanya dipetik BH Online.

Selepas turun selaku pemain veteran, Zainal terus menukar tugasnya kepada jurulatih dan perlu memfokuskan tumpuananya bagi mengendalikan skuad

Selangor menghadapi Pilihan Singapura yang ditaris gabungan pemain Liga Singapura pada perlawanan utama.

Katanya, dia turut memiliki misi peribadi untuk merangkul Piala Sultan Selangor sebagai jurulatih selepas pernah memenangi piala tradisi itu ketika mewakili skuad Veteran Selangor sebelum ini.

"Edisi kali ini lebih manis jika saya dapat merangkul kejuaraan sebagai pemain Veteran Selangor dan juga sebagai pengendali pasukan ini," katanya.

OLEH HAFIZAN TAIB

**SHAH ALAM** - Percaturan strategi tepat dan komitmen tinggi pemain adalah ramuan kejayaan PKNS FC melakar sejarah mara ke perlawanan akhir Piala FA tahun ini.

Pasukan Liga Perdana itu mempamerkan aksi membanggakan dengan mengalahkan Perak 2-1 di Stadium Perak, Ipoh, 30 April lalu seterusnya layak dengan agregat 4-3.

Pengurus pasukan, Mahfizul Rasydin Ahmad Rashid, berkata sememangnya kejayaan dicipta itu penting dalam usaha memburu kecemerlangan ke peringkat seterusnya.

## Piala FA Strategi tepat, PKNS FC mara ke akhir



**Kejayaan ini berpunca dari percaturan taktikal dan strategi dirancang serta semangat berpasukan dan komitmen tinggi dipamerkan pemain**

**MAHFIZUL RASYDIN**

Pengurus pasukan

"Kejayaan ini berpunca dari percaturan taktikal dan strategi dirancang serta semangat berpasukan dan komitmen tinggi dipamerkan pemain.

"Gol kemenangan dijaringkan Juan Cobelli menaikkan semangat pemain untuk terus me-

nyusun pertahanan supaya tidak dibolosi hingga tamat perlawanan," katanya kepada SelangorKini.

PKNS FC sebelum itu seri 2-2 dengan Perak dalam perlawanan pertama di Stadium Hang Jebat, Melaka.

Dengan kemenangan itu kelab dari Selangor itu bakal berhadapan juara Liga Super, JDT dalam perlawanan akhir di Stadium Shah Alam, pada 14 Mei ini.

JDT mara ke akhir apabila mengalahkan Kedah dengan agregat 5-2.

